


**Jilid I
Bil. 34**



MALAYSIA

**Hari Khamis
30hb November, 1978**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3317]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1979:

Jawatankuasa (Hari Ketigabelas)—

Jadual—

Maksud B. 48, B. 49 dan B. 50 [Ruangan 3381]

Maksud B. 30 [Ruangan 3381]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1979:

Jawatankuasa (Hari Ketigabelas)—

Maksud P. 30 [Ruangan 3381]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat** Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., D.S.I.J., J.M.N., P.I.S.**
- Yang Amat Berhormat** Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, **DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).**
- Yang Berhormat** Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, **DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).**
- „ Menteri Pengangkutan, **TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).**
- „ Menteri Undang-undang, **DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).**
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).**
- „ Menteri Kebajikan Am, **DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).**
- „ Menteri Pertahanan, **DATUK AMAR HAJI ABDUE TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).**
- „ Menteri Luar Negeri, **Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).**
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).**
- „ Menteri Pelajaran, **DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).**
- „ Menteri Kewangan, **Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).**
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).**
- „ Menteri Kesihatan, **TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**
- „ Menteri Pertanian, **DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**
- „ Menteri Penerangan, **DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).**

- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- „ Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATUK MANSOR BIN OTHMAN (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SERI SYED AHMAD AL-HAJ BIN SYED MAHMUD SHAHABUDDIN, S.P.M.K., S.S.D.K., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MAK HON KAM (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN HAJI WAN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK TAMBY CHIK (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN AH KOW *alias* CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).

- Yang Berhormat TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Ulu Langat).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Keluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMED TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

- Yang Berhormat** TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAPI *alias* NAKHAI BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI (Tuaran).
- „ TUAN Oo GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Silam).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ DR TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 30hb November, 1978

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

TAMBANG KONSESI KERETAPI
PENGANGKUTAN AWAM

1. Tuan Lim Kit Siang (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pengangkutan memberi konsesi perjalanan di keretapi-keretapi dan pengangkutan awam kepada rakyat yang tua (senior citizens) yang tidak mempunyai pekerjaan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, Keretapi Tanah Melayu sejak 1hb Julai, 1978 telahpun memberi tambang konsesi dengan kadar $1\frac{1}{3}$ (satu satu pertiga) untuk perjalanan pergi balik bagi semua kelas di antara semua stesyen Keretapi Tanah Melayu kepada rakyat yang umurnya melebihi 65 tahun.

Tiket konsesi ini boleh digunakan di atas semua Keretapi termasuk Ekpress Rakyat. Perjalanan pergi/balik mestilah dibuat dalam masa 30 hari dari tarikh perjalanan pergi. Syarat yang dikenakan untuk melayakkan mereka mendapat tambang konsesi ini ialah dengan hanya menunjukkan Kad Pengenalan mereka semasa membeli tiket.

Bagi pengangkutan awam, cadangan ini akan saya kaji.

LARANGAN PEMBERITA KE
POLIS DEPOH

2. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada

beliau sedar pada 7-8-78 Polis Negeri Johor telah tidak membenarkan semua Pemberita-pemberita untuk masuk ke kawasan Polis Depoh di Johor Bahru; jika sedar, apakah sebab-sebab terjadi demikian.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar dikatakan bahawa Pemberita-pemberita tidak dibenarkan masuk ke kawasan Polis Depoh di Johor Bahru pada 7-8-1978 ini. Sebenarnya pada 5-8-1978 ini seorang Pemberita telah didapati berada dalam kawasan di Pejabat Polis, Johor Bahru tanpa pas sepertimana yang dikehendaki dan juga berkelakuan luar biasa sedikit. Peristiwa ini telah mencetuskan sedikit selisih faham di antara Polis dan juga Pemberita-pemberita tempatan. Walau bagaimanapun, satu perjumpaan antara pihak yang bersabit telah diadakan pada 9-8-1978 dan dalam mana telahpun dipersetujui bahawa syarat utama bagi sesiapa yang hendak memasuki kawasan Polis tersebut ialah dengan mempunyai pas masuk serta kebenaran daripada pegawai yang hendak ditemuinya. Kerjasama di antara Polis Johor khasnya dan juga Pasukan Polis keseluruhannya dengan pihak-pihak akhbar adalah sentiasa baik dan setiap langkah adalah dibuat untuk meningkatkan kerjasama itu.

MAS-SIA—RUNDINGAN UDARA

3. Tuan Hashim bin Endut (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pengangkutan menyatakan samada perselisihan yang dahsyat berkenaan dengan penerbangan meliputi hak pendaratan di antara Malaysia dan Singapura dapat diselesaikan sama sekali di dalam semangat perpaduan ASEAN supaya dapat menunjukkan kebolehan mengutamakan atau mengatasi minat kerantauan atau kawasan daripada minat nasionalisma.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan mulut yang mempunyai maksud yang hampir sama berkenaan dengan perundingan-perundingan hak pendaratan di antara Malaysia dan Singapura telahpun dijawab dalam pertanyaan-pertanyaan mulut dalam Dewan yang mulia ini pada 21-11-78. Saya tidak ada apa-apa tambahan mengenainya.

KEMALANGAN KAPALTERBANG T.U.D.M.

4. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pertahanan menyatakan dengan memberi butir-butir berapakah jumlah kapalterbang TUDM yang telah terhempas, beri sebab-sebab mengapa kemalangan itu berlaku bagi setiap kapalterbang, bilangan orang yang maut, dan kerugian kewangan yang dialami.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan (Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar): Tuan Yang di-Pertua, semenjak Tentera Udara Diraja Malaysia ditubuhkan dalam bulan Jun 1958 hingga sekarang, jumlah kapalterbang TUDM yang terhempas ialah 23 buah. Sebab-sebab mengapa kemalangan itu berlaku bagi setiap kapalterbang adalah seperti berikut:

SEBAB-SEBAB TERHEMPAS

<i>Jenis Kapal Terbang</i>	<i>Faktor-faktor yang disebabkan oleh Juruterbang/ anak kapal (Air-crew Factors)</i>	<i>Kerosakan Teknikal</i>	<i>Bahaya-bahaya yang tak dapat dielakkan (Hazard)</i>	<i>Kesilapan Pemeriksaan Rawatan</i>	<i>Sedang di siasat</i>	<i>Jumlah</i>
(a) Jet Sabre	—	—	1	—	—	1
(b) Jet F5E	—	1	—	—	—	1
(c) Jet Tebuans	—	1	—	1	1	3
(d) Caribou	2	—	—	—	—	2
(e) Twin Pioneers	1	—	—	—	—	1
(f) Single Pioneers	6	1	1	—	—	8
(g) Bulldog	—	1	—	—	—	1
(h) Piston Provost	4	1	—	—	—	5
(i) Cessna 301F	1	—	—	—	—	1
JUMLAH ..	14	5	2	1	1	23 buah

Tuan Yang di-Pertua, bilangan orang-orang yang maut (termasuk juruterbang, anak-anak kapal atau penumpang) ialah seramai 32 orang. Sementara kerugian kewangan yang dialami ialah sejumlah \$24.7 juta.

Dalam hal kemalangan-kemalangan ini, saya suka menjelaskan bahawa kemalangan-kemalangan ini tidaklah dapat dielakkan. Ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor. Pertamaanya, pada masa dahulu, kapal-kapalterbang yang digunakan oleh T.U.D.M. kita adalah dari jenis lama. Walaupun kapal-kapalterbang itu dari jenis yang lama, pujian harus juga diberi kepada pihak T.U.D.M. kerana telah dapat menggunakan kapal-kapalterbang yang agak lama itu bagi

jangkamas tertentu secara "reliable", misalnya jenis Sabre. Kapalterbang jenis ini yang mana pada waktu kita terima telah berusia 25 tahun. Dari jumlah 16 buah yang telah kita terima dan kita gunakan selama 4 tahun dalam jangka 25 jam digunakan tiap-tiap sebuah dalam tiap-tiap bulan kita hanya kemalangan sebuah sahaja dan pada waktu ini kapalterbang ini tidak kita gunakan lagi.

Faktor kedua ialah dari segi jenis penerbangan yang dilakukan itu sendiri di mana tentera kita terpaksa melalui hutan belantara atau sebagainya di dalam semua keadaan cuaca. Boleh dikatakan bahawa kawasan udara yang dilalui adalah dianggap sebagai sukar atau penuh dengan bahaya-bahaya yang tidak dapat dielakkan (the most hazardous) di dunia sebelah sini.

Walaupun rintangan-rintangan ini wujud pihak tentera kita khasnya juruterbang-juruterbang T.U.D.M. telah menunjukkan mutu kecekapan yang tinggi di dalam tugas-tugasnya. Baru-baru ini misalnya iaitu pada 23hb November, 1978 yang baru lalu juruterbang Lt. (U) Fadzil bin Yusof yang telah memandu sebuah pesawat Caribou dari Kuching ke Labuan tetapi dalam perjalanan terkena ribut petir dan beliau cuba hendak mendarat di Sibu tetapi malangnya juga kena petir menyebabkan kedua-dua enjinnya mati. Tetapi dengan kecekapan Leftenan Udara ini, beliau dapat menyelamatkan 14 penumpang-penumpang dan mendaratkan kapalterbangnya di sebuah sawah padi, seolah-olah sebagai memandu sebuah Glider dan kapalterbang ini yang dipandunya dapat diselamatkan dari terhempas hanya mengalami sedikit kerosakan dan dapat diperbaiki.

Apabila kita bandingkan dengan Angkatan Udara negara-negara lain, Angkatan Udara kita dapat dianggap sebagai paling kurang sekali mengalami malapetaka/kemalangan udara ini. Dari rekod yang ada kejadian-kejadian kemalangan ini telah berkurang dari setahun kesetahun. Dan bagi makluman Ahli Yang Berhormat serta Dewan yang mulia ini antara bulan Julai, 1976 hingga bulan Julai, 1977 misalnya hanya berlaku 1.75% sahaja kemalangan dari 10,000 jam penerbangan sementara di antara bulan Julai, 1977 hingga Julai, 1978 peratus ini telah berkurangan menjadi 0.95% sahaja dari 10,000 jam penerbangan yang dibuat oleh kapalterbang-kapalterbang T.U.D.M.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada berkata bahawa salah satu sebab berlakunya kejatuhan kapalterbang itu ialah oleh kerana kapalterbang itu berusia lama. Adakah Yang Berhormat itu sedar bahawa F-5E ialah satu jet yang bukan berusia lama, tetapi baru dibeli. Ini menunjukkan bahawa kejadian (incident) kapalterbang dan jet yang terhempas adalah satu perkara yang sangat serius dan sungguhpun Yang Berhormat ada berkata bahawa juruterbang-juruterbang adalah cekap sebagai satu contoh, tetapi nampaknya kalau kita mahu satu tentera udara yang cekap, kita mahu semua juruterbang-juruterbang yang cekap bukan seorang atau dua orang, oleh kerana banyak wang yang berjuta-juta ringgit yang terlibat.

Dengan kejadian ini, adakah Kementerian yang berkenaan atau tentera udara mendapat tahu sebab-sebab sebenarnya berlaku hempasan kapalterbang sama ada kekurangan-kekurangan technical competence oleh sebab banyak perkara ada technical fault atau kekurangan technical competence di dalam tentera udara kita atau mungkin mutu latihan juruterbang-juruterbang kita mesti ditinggikan.

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana telah saya katakan tadi bahawa sebab kemalangan jet F-5E disebabkan oleh kerosakan teknikal bukanlah disebabkan oleh kurang cekapnya pemandu. Walau bagaimanapun, kita sedia maklum bahawa pesawat jet ini adalah satu yang baru di negara kita ini dan kalau kita bandingkan dengan jumlah kapalterbang yang ada adalah kemalangan ini sebagai atau accident, satu kejadian yang tidak disangka-sangka. Walau bagaimanapun, selepas daripada kejadian ini dan selepas daripada penyiasatan dijalankan, tindakan-tindakan tegas dan langkah-langkah yang perlu telahpun diambil untuk mengelakkan daripada berlakunya lagi kejadian yang tidak diingini. Dan bagi makluman Ahli Yang Berhormat, tentulah pemandu sendiri hendak menjaga keselamatan dirinya, dan tidaklah mereka sengaja mencuaikan tugas ataupun tidak begitu waspada waktu mereka memandu apa jua jenis kapalterbang sepertimana yang telah dimaklumkan tadi.

Tuan Hashim bin Endut: Soalan tambahan. Daripada penerangan yang diberi oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan tadi nampaknya T.U.D.M. kita adalah satu pasukan tentera udara yang terbaik di dalam dunia. Sedangkan begitu ada juga berlaku kemalangan dan di antara sebab-sebab yang dikatakan tadi cuaca yang tidak baik, kapalte bang lama dan sebagainya. Saya ingin bertanya Setiausaha Parlimen Kementerian yang berkenaan, adakah benar tiap-tiap kali kapalterbang ini menempuh kemalangan sebaik sahaja lepas ianya dibuat servicing. Lepas servicing, naik terbang, kapalterbang itu dapat kemalangan. Adakah ini benar?

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sebelum sesuatu penerbangan dijalankan, memang dijalankan servicing dan sebagainya untuk

mengelakkan apa-apa perkara yang tidak diinginkan berlaku. Tidakkah benar sebagaimana kata Ahli Yang Berhormat tadi bahawa selepas sahaja servicing berlaku kemalangan. Kalau begini tentulah semua kapalterbang-kapalterbang kita berlaku kemalangan.

Tuan Alias bin Md. Ali: Soalan tambahan. Saya hendak mengucapkan tahniah kepada pihak Kementerian Pertahanan oleh kerana dapat mengurangkan kadar kemalangan kapalterbang T.U.D.M. kita.

Saya hendak bertanya Setiausaha Parlimen sama ada pihak Kementerianya tidak bercadang hendak menerima hadiah-hadiah kapalterbang buruk seperti Sabre jet walaupun diberi percuma oleh negara-negara lain pada masa yang akan datang kerana ini melibatkan risiko yang banyak.

Yang kedua, saya hendak bertanya seperti yang telah diterangkan tadi Sabre jet itu sekarang tidak digunakan lagi, dan apa jadi kepada Sabre jet itu adakah hendak dijual sebagai scrap iron?

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah saya katakan tadi pada mula-mula kita menubuhkan Angkatan Udara kita menghadapi serba kekurangan. Kita sangat mengalu-alukan, kalau ada negara-negara yang sudi hendak menghadiahkannya dan walaupun jet Sabre ini buruk, tetapi masih reliable lagi, boleh kita gunakan. Dan memandang dari jumlah 16 buah, kita gunakan 4 tahun dan umurnya semasa kita terima itu sudah 25 tahun dan kemalangan yang berlaku hanya sebuah sahaja. Kemalangan itu pun tidak memakan korban nyawa, hanya kapalterbang itu sahaja yang binasa. Ini berarti tidakkah begitu buruk yang menyebabkan kita tidak boleh menerima kapalterbang ini. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat sebahagian daripada jet Sabre ini kita simpan sebagai muzium. Dan sebahagian daripadanya, kita hadiahkan kepada negara tetangga.

Tuan P. Patto: Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu Dewan ini angka-angka kemalangan yang berlaku di negara-negara jiran oleh kerana Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sendiri ada menuntut bahawa bilangan kemalangan kapalterbang T.U.D.M. adalah sangat kecil berbanding dengan negara-negara yang lain.

Jadi bolehkah Yang Berhormat memberi angka-angka untuk membuktikan bahawa bilangan itu sebenar-benarnya kecil?

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab ini menyentuh negara-negara lain, demi kemuliaan Dewan ini, saya ingin pula mengemukakan soalan kepada Ahli Yang Berhormat itu supaya dapat memberikan pada saya ataupun menidakkan apa yang telah saya per-katakan tadi, iaitu untuk mendapatkan maklumat-maklumat mengenai negara-negara di kawasan sebelah sini untuk dibandingkan dengan yang berlaku kepada tentera udara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Menglembu ada hak bertanya kerana perbandingannya. Kalau tidak tahu, tidak apalah, jawab tidak tahu sahaja.

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Kita belum dapat menerangkan di sini.

Tuan Chan Teck Chan: Saya sungguh terperanjat mendengar bahawa kemalangan pertahanan udara Malaysia telah begitu banyak memakan kos, umpamanya 32 nyawa sudah terkorban, 23 buah jet sudah rosak termasuk \$24 juta sudah hilang. Maka bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa apakah langkah-langkah yang positif telah diambil oleh Kementerian Pertahanan untuk mengelakkan kemalangan yang begitu serius yang menimpa pada negara kita supaya kekuatan pertahanan Malaysia tidak dikurangkan atau diancam kerana kemalangan begitu serius ini.

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya telah terangkan tadi, sebenarnya kita telah mengambil langkah-langkah yang positif, maka oleh sebab itulah angka-angka kemalangan dua tahun kebelakangan ini telah berkurangan. Dan bagi makluman Ahli Yang Berhormat ini, dalam tahun 1978 ini sahaja 12 kali pesawat udara kita telah ditembak oleh pengganas-pengganas komunis. Walaupun satu daripadanya terkena pada pesawat kita, tetapi keduabelas-duabelas kali tembakan daripada pihak penjahat-penjahat komunis ini dapat kita tangkis dan tidak ada kemalangan jiwa berlaku.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada sebab-sebab yang dikatakan oleh Setiausaha Parlimen tadi, tidakkah biasa terjadi salah satu sebabnya kemalangan ini disebabkan pemandu (Kapitan) yang memandu kapal-terbang tadi mabuk dan sebagainya, kerana kerap kali kita tengok kadang-kadang salah satu kereta yang selalu berlaku accident selain daripada kerosakan enjin dan sebagainya, kecuaiian disebabkan mabuk dan kerap kali ini berlaku kepada tentera. Ini saya ada sepucuk surat yang akan saya sampaikan selepas ini, kerana apabila dia biasa mabuk dia terlupa, adakah biasa berlaku atau diperiksa dahulu sebelum seseorang pemandu itu akan memandu kapal-terbang.

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, ini tidak pernah berlaku.

Tuan Lee Kaw: Adakah benar kapal-terbang jet di Kuantan ini tiga daripada yang berlaku kemalangan disebabkan tidak ada spare-parts dan kapal-terbang yang dicandem itu dicannibalise, yang mana boleh dipakai, spare-parts itu ditukar dan digunakan. Adakah benar?

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tidak benar.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah mengaku selepas Tuan Yang di-Pertua bertanya bahawa beliau tidak tahu tentang kemalangan-kemalangan tentera udara negara-negara jiran. Kalau begitu, bolehkah Yang Berhormat itu menarik balik apa yang dikatakan iaitu bilangan kemalangan kapal-terbang-kapal-terbang T.U.D.M. adalah lebih kecil daripada negara-negara lain kerana ini merupakan satu tuntutan yang mislead dan tidak berasas dan juga hampir-hampir menipu Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Perkataan "tipu" tarik balik—itu unparliamentary.

Tuan P. Patto: Baik, "mislead", Tuan Speaker.

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, itu tidak benar. Sebenarnya kita ada kenyataan-kenyataan

yang tertentu, tetapi kita tidaklah hendak menjaga tepi kain orang lain seperti Ahli Yang Berhormat sebelah sana. Mengapa kita hendak dedahkan keburukan orang, walaupun kita ada maklumat-maklumat yang tertentu bahawa kemalangan yang berlaku kepada tentera udara kita yang paling kecil jumlahnya, tetapi kalau Yang Bernormat hendak tahu juga, silalah jumpa saya untuk mendapatkan jawapannya.

Tuan P. Patto: Soalan tambahan. Perkara ini kita bangkitkan dalam Dewan ini kerana kita semua Wakil Rakyat dan kita ada hak untuk mendapat tahu dan sekiranya ada pihak Kementerian atau pihak Kerajaan menuntut bahawa ia tahu bilangannya kecil bila dibandingkan dengan negara lain. Kita ada hak untuk mendapat tahu, kita tidak boleh dimislead di dalam Dewan ini.

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Saya sudah nyatakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah hendak menerangkan secara detail.

Tuan P. Patto: Secara official.

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Itu ada kemungkinan, tetapi kalau Ahli Yang Berhormat itu hendak juga saya akan berikan keterangan ini.

Tuan Chan Teck Chan: Saya memang memandang berat dan serius akibat dan consequence daripada mala-peiaika yang menimpa kepada Pasukan Tentera Udara kita. Di sini bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu Dewan ini dengan selanjutnya mengenai apakah langkah-langkah yang positif diambil untuk mengelakkan mala-petaka ini berlaku lagi di negara kita, umpamanya bagaimana kualiti dan kelayakan juruterbang telah dipertingkatkan. Apakah kursus-kursus telah diadakan dan adakah sistem dan taraf memeriksa kapal-terbang kita supaya kerosakan teknikal ini tidak akan berlaku lagi pada pesawat-pesawat kita yang selalu membawa kemalangan.

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, ini memang kita telah jalankan dan satu daripadanya kita memberikan pandangan atau ingatan kepada juruterbang-juruterbang kita waktu mereka memandu itu tidaklah mereka semata-mata sebagai seorang pemandu sahaja tetapi juga

mereka sebagai seorang pegawai dengan tujuan untuk lebih bertanggungjawab bagi mengelakkan kemalangan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jika kita memandu kereta, kadang-kadang kita lupa sebagai pemandu, tetapi sebagai satu-satu yang menyeronokkan. Dengan cara ini tiap-tiap pemandu akan lebih bertanggungjawab. Banyak lagi usaha-usaha yang telah kita jalankan untuk meningkatkan lagi mutu juruterbang-juruterbang kita supaya setanding dengan juruterbang-juruterbang negara-negara yang telah maju dalam dunia ini.

SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN CHINA DI PETALING JAYA

5. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kementerian-nya sedar tentang betapa perlunya untuk membina lebih banyak lagi sekolah-sekolah rendah jenis Kebangsaan China di Petaling Jaya untuk menampung bertambahnya bilangan murid-murid di kawasan tersebut dan nyatakan samada terdapat apa-apa rancangan sertamerta untuk membina sekolah-sekolah rendah jenis Kebangsaan China di Petaling Jaya.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Salleh Jafaruddin): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sedar bahawa dengan bertambahnya bilangan murid-murid maka bertambahlah keperluan sekolah-sekolah baru, bukan sahaja di Petaling Jaya tetapi di seluruh negara amnya. Penentuan samada sekolah-sekolah yang dibina akan menjadi sekolah kebangsaan atau Sekolah-sekolah jenis Kebangsaan adalah terletak atas keadaan sesuatu tempat dan keadaan sesuatu masa.

Dalam permulaan Rancangan Malaysia Ketiga ini, Kementerian saya telahpun meluluskan projek-projek sekolah-sekolah baru seperti berikut:

- Sekolah Kebangsaan Damansara Utama;
- Sekolah Kebangsaan Kampung Maha;
- Sekolah Kebangsaan Batu 8, Puchung;
- Sekolah Kebangsaan Seksyen 2, Shah Alam;
- Sekolah Kebangsaan Subang Jaya, dan
- Sekolah Kebangsaan Taman Seaport.

Sekolah-sekolah ini (bersama-sama dengan projek-projek tambahan di beberapa sekolah yang sedia ada) adalah bagi menampung kenaikan bilangan murid-murid bagi daerah Petaling, di mana Petaling Jaya adalah termasuk dalam daerah tersebut.

Walau bagaimanapun, Kementerian telah meluluskan projek-projek untuk menambah atau memperbaiki sekolah-sekolah jenis Kebangsaan China yang sedia ada. Sekolah-sekolah tersebut ialah:

- Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China Serdang Bahru;
- Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China Subang;
- Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China Yuk Chyun;
- Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China Kampung Sungai Buluh;
- Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China Yuk Chai;
- Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China Han Ming.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sebut sekolah-sekolah Kerajaan di beberapa tempat seperti Damansara, Seaport dan lain-lain dalam jawapan bahagian pertama. Adakah semua ini sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan atau bukan sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan China. Kalau bukan, jawapan ini adalah tidak bersangkutan-paut dengan soalan saya.

Jawapan kepada bahagian kedua mengenai langkah Kerajaan akan ambil dalam Rancangan Malaysia Ketiga untuk menambah atau memperbaiki sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan China sama ada di Serdang Bahru atau di Petaling Jaya dan lain-lain, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu apakah langkah itu dengan membuka lebih kelas atau membuka lebih tandas-tandas atau apa?

Tuan Haji Salleh Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, kalau dibandingkan angka sekolah kebangsaan yang dibina oleh Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ketiga dalam kawasan Petaling ialah 6 dan sekolah yang ditambah dan diperbaiki sama ada dari segi penambahan kelas ataupun kemudahan-kemudahan lain adalah sama—6 buah.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah 6 buah sekolah kebangsaan yang disebut itu sebagai sekolah jenis kebangsaan China atau sekolah kebangsaan sahaja?

Tuan Haji Salleh Jafaruddin: Sekolah yang saya sebutkan yang pertama ialah sekolah kebangsaan, dan sekolah jenis kebangsaan China yang saya sebutkan adalah 6 buah.

Tuan Lim Kit Siang: 6 buah baru?

Tuan Haji Salleh Jafaruddin: Yang diperbaiki dan ditambah bilik darjah.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, mengapa dalam perkara ini Kementerian Pelajaran mahu elak, mahu tambah, mahu buka kelas baru, selalu mahu elak sahaja?

Tuan Haji Salleh Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak mengelak daripada kenyataan bahkan Kerajaan memang sedar tentang bertambahnya bilangan murid tetapi Kerajaan menggalakkan supaya lebih ramai rakyat yang bukan berketurunan bumiputra menghantar anak-anak mereka ke sekolah kebangsaan supaya kita dapat menyelaraskan Dasar Pelajaran Kebangsaan.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, kalau sekiranya bangunan sekolah-sekolah kebangsaan atau jenis kebangsaan masih lagi boleh digunakan, cuma perlu ditambah, apakah bangunan sekolah-sekolah itu harus dirobohkan dan dibangunkan yang baru?

Tuan Haji Salleh Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, kalau bangunan itu masih dapat digunakan dengan hanya memperbaiki, kita tidak perlu merobohkan, dan kita tidak perlu membuat sekolah baru.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata beliau tidak akan melarikan daripada kenyataan. Di sini saya hendak meminta satu soalan yang sangat simple dan jelas dan saya mahu satu jawapan yang sangat jelas, iaitu dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini berapakah buah sekolah

rendah jenis kebangsaan China telah dibina dan akan dibina, tidak termasuk sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan China yang diperbaiki atau ditambah atau diganti—baru yang sudah dibina.

Tuan Haji Salleh Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ini soalan lain dan saya tidak ada mempunyai angka-angka sekarang.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Daripada jawapan tadi bahawa dasar Kerajaan ialah untuk menggalakkan anak-anak yang bukan bumiputra menuntut atau pergi belajar di sekolah-sekolah kebangsaan, adakah ini merupakan dasar Kerajaan bahawa dalam masa depan sama ada di Petaling atau di tempat lain, tidak akan dibina sekolah-sekolah rendah Jenis Kebangsaan China yang baru.

Tuan Haji Salleh Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menyatupadukan rakyat menerusi pelajaran. Kalau kita dapati bahawa menerusi sesuatu pelajaran yang tertentu umpamanya dengan membesar-besarkan sekolah-sekolah bukan sekolah kebangsaan, kita mungkin fikir supaya kita membahagikan peluang seperti yang ada dalam Akta Pelajaran untuk sekolah jenis kebangsaan tetapi keutamaan diberi untuk sekolah kebangsaan.

Tuan Hashim bin Endut: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya daripada jawapan-jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran itu bahawa sekolah-sekolah jenis kebangsaan China yang tidak ada, diada-adakan; yang buruk, dielok-elokkan, adakah beliau sedar bahawa di dalam kawasan luar bandar juga masih terdapat murid-murid bersekolah di bawah pohon-pohon kayu, yang tak ada sekolah, tak cukup bilik darjah.

Tuan Haji Salleh Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar atas perkara ini dan langkah sedang, akan dan terus diambil oleh Kerajaan untuk mengutamakan pembinaan pembaharuan sekolah-sekolah kebangsaan di luar-luar bandar.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan tadi, adakah Kerajaan menganggap bahawa sekolah

rendah jenis kebangsaan China tidak menjadi suatu halangan terhadap tugas mewujudkan perpaduan di negara kita dan adakah Kementerian Pelajaran menganggap bahawa pelajar-pelajar dari sekolah-sekolah jenis kebangsaan China tidak diajar untuk mengadakan kesedaran Malaysian.

Tuan Haji Salleh Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak menganggap adanya sekolah jenis kebangsaan China sebagai penghalang sekiranya mereka yang belajar di sekolah jenis kebangsaan itu menerima Dasar Pelajaran Kebangsaan.

Tuan Mohamed Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya bertanya, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Kementerian Pelajaran

Tuan Yang di-Pertua: Ini bukan soalan tambahan.

Tuan Mohamed Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Mukadimah sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada mukadimah di dalam soal-jawab.

Tuan Mohamed Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri samada menjadi dasar Kerajaan untuk memberi keutamaan kepada kawasan-kawasan luar bandar dalam membina sekolah-sekolah, kerana kita dapati pada masa ini sekolah-sekolah di luar bandar adalah diutamakan. Di kawasan saya akan didirikan sebuah sekolah China berharga \$475,000, adakah ini menunjukkan bahawa dasar Kerajaan memberi keutamaan kepada penduduk-penduduk di luar bandar?

Tuan Haji Salleh Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah saya terangkan memanglah menjadi dasar Kerajaan untuk mengutamakan pembinaan sekolah rendah/sekolah menengah di luar-luar bandar. Pembinaan sekolah jenis kebangsaan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Gerik itu saya tidak tahu.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, dalam menuju kepada matlamat perpaduan dan kekuatan bangsa dan negara pada masa depan, saya ingin bertanya

kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri itu samada Kementeriannya memberi keutamaan membina sekolah-sekolah di mana berbagai keturunan boleh belajar di dalamnya di bawah satu bumbung (under one roof), orang Melayu, orang China, orang India, atau memberi keutamaan kepada sekolah-sekolah di mana satu kaum sahaja belajar, umpamanya sekolah-sekolah China hanya penuntut-penuntut China sahaja belajar atau sekolah-sekolah Tamil yang orang-orang India sahaja belajar di dalamnya.

Tuan Haji Salleh Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar Kerajaan supaya sekolah yang didirikan oleh Kerajaan itu digunakan oleh semua keturunan dalam Malaysia ini. Secara kebetulan, kita tidak dapat mengelakkan di mana terdapat sekolah di luar bandar umpamanya terdiri daripada penuntut-penuntut 99% bumiputra dan di bandar kita dapati 90% penuntut yang bukan bumiputra. Ini kita cuba hendak elakkan tetapi keadaan memaksa begitu. Jadi dasar Kerajaan bukan untuk memberi peluang kepada satu golongan sahaja, umpamanya sekolah jenis kebangsaan di mana ramai penuntut-penuntut bukan bumiputra belajar. Kita juga menggalakkan, jika perlu penuntut bumiputra belajar di sekolah jenis kebangsaan.

UNIVERSITI PERSENDIRIAN

6. Tuan Lim Cho Hock meminta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan kedahagaan untuk pengajian tinggi adakah Menteri bersetuju memberi kebenaran kepada sektor persendirian untuk membina Universiti mereka seperti Universiti Merdeka yang dianjurkan itu.

Tuan Haji Salleh Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang sama dan hasrat Kerajaan terhadapnya telahpun diterangkan di Dewan ini semasa membahas usul Ahli Yang Berhormat dari Petaling merangkap Ketua Pembangkang pada 9-10-1978.

DARAH PENDAHULUAN TEMPATAN

7. Puan Chow Poh Kheng minta Menteri Kesihatan menyatakan samada Kementeriannya bercadang untuk mengeluarkan "Plasma Fractions" sendiri atau menyediakan darah pendahuluan tempatan (local blood) atau plasma dihantar ke seberang laut untuk diproses tanpa berasaskan keuntungan (on a

non-profit basis into its components) untuk kegunaan hospital-hospital Kerajaan, swasta ataupun tentera. Juga nyatakan jumlah banyaknya "Plasma Fractions", Albumin dan "Dried Plasma" yang ada dalam simpanan hospital-hospital dan syarikat-syarikat perniagaan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, pembuatan "plasma fractions" adalah terlalu mahal pengendaliannya dan memerlukan penubuhan sebuah bangunan yang agak mekakan belanja berjuta ringgit banyaknya. Semua kawasan di dalamnya yang mengeluarkan bahan-bahan tersebut (plasma fractions) hendaklah dijalankan mengikut cara-cara "sterile" dan "aseptic" oleh kakitangan-kakitangan yang terlatih, pegawai-pegawai yang berkelulusan tinggi dan ahli-ahli sains. Modal permulaan bagi alat-alat kelengkapan dan bangunan mungkin akan memakan belanja sekurang-kurangnya 2-3 juta ringgit. Selain dari itu, jumlah plasma yang banyak perlu dikeluarkan dan dikutip dan juga dikumpulkan daripada yunit-yunit darah supaya operasi ini dapat dikerjakan dari segi ekonomi. Oleh hal yang demikian, adalah didapati bahawa cadangan supaya projek ini diadakan pada ketika ini adalah tidak praktik. Walau bagaimanapun, plasma mungkin boleh dihantar ke seberang laut untuk diproses kepada plasma fractions. Kemungkinan ini adalah dalam kajian Kementerian Kesihatan akan tetapi dalam perkara ini perbelanjaan bagi pengangkutan dan lain-lain hendaklah juga ditimbangkan.

Berkenaan dengan jumlah banyaknya "plasma fractions", "albumin" dan "dried plasma" yang ada dalam simpanan hospital-hospital dan syarikat-syarikat perniagaan, saya telah dimaklumkan bahawa Kementerian tidak ada menyimpan maklumat-maklumat ini.

MAS KE KUALA TRENGGANU

8. Tuan Alias bin Md. Ali minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

(a) adakah beliau sedar bahawa perkhidmatan MAS ke Kuala Trengganu sekarang makin mendapat sambutan. Kiranya sedar adakah beliau bercadang hendak mengarahkan MAS supaya menambah perkhidmatan kepada dua penerbangan sehari; dan

(b) adakah beliau sedar bahawa pemeriksaan keselamatan penumpang di lapanganterbang Kuala Trengganu masih lagi dijalankan di bawah suatu khemah sementara dan penumpang-penumpang terpaksa beratur di tengah panas atau hujan. Bilakah bangunan yang sempurna untuknya akan dibina.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh bulan April hingga Oktober, 1977 jumlah penumpang-penumpang di antara Kuala Lumpur dan Kuala Trengganu telah meningkat berbanding dengan tempoh sebelumnya. Pada masa itu MAS mengadakan perkhidmatan ke Kuala Trengganu satu kali sehari dengan menggunakan kapalterbang jenis F27 iaitu 2 kali seminggu melalui Kuantan dan 5 kali seminggu penerbangan terus. Purata jumlah penumpang-penumpang bagi tiap-tiap penerbangan itu ialah seramai 31 orang ataupun faktor muatan 60% tidak termasuk penumpang-penumpang di antara Kuala Lumpur-Kuantan.

Oleh kerana bertambahnya penumpang itu, maka MAS telahpun pada 1hb November, 1977 mengadakan perkhidmatan terus satu kali sehari di antara KL-Kuala Trengganu tanpa melalui Kuantan. Tetapi, nampaknya jumlah penumpang-penumpang telahpun berkurangan dan dalam tempoh dari bulan November, 1977 hingga Mac, 1978 cuma purata 25 penumpang sahaja bagi sesuatu penerbangan itu, ataupun faktor muatan 48.1%.

Dalam tempoh enam bulan, iaitu dari April hingga September, 1978 pula jumlah penumpang-penumpang bertambah sedikit iaitu purata 28 penumpang bagi sesuatu penerbangan ataupun faktor muatan 53.8%. Oleh yang demikian, adalah nyata dengan jumlah muatan tersebut, perkhidmatan di antara KL-Kuala Trengganu adalah mencukupi. Walau bagaimanapun, MAS akan sentiasa mengawasi perkara itu dan akan menambah penerbangan ke Kuala Trengganu sekiranya jumlah penumpang bertambah.

(b) Satu bangunan lapanganterbang (terminal) baru akan diadakan di lapanganterbang Kuala Trengganu bagi menggantikan bangunan yang ada. Tender bagi bangunan baru ini telah diberikan sejak bulan Julai yang lalu. Adalah dirancangan bahawa

pemeriksaan keselamatan akan diadakan secara yang lebih memuaskan setelah bangunan baru ini siap.

Sementara itu, Kementerian saya telah mengadakan peruntukan sebanyak \$15,000 untuk membesarkan bangunan lapangan-terbang yang ada supaya pemeriksaan keselamatan dapat diadakan di dalamnya dan ini dapat menggantikan khemah sementara tersebut. Kerja-kerja pembinaan akan dimulakan pada pertengahan bulan Januari, 1979 dan dijangka dapat siap pada pertengahan bulan April, 1979.

Puan Chow Poh Kheng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri samada beliau juga sedar bahawa jika hujan penumpang-penumpang dari kapal-terbang yang tiba di Lapangan-terbang Antarabangsa Kuala Lumpur tidak boleh turun kecuali mereka terpaksa memakai payung. Adakah rancangan untuk mengatasi masalah ini? Bolehkah Kementerian berkenaan mengambil perhatian supaya membersihkan tandas-tandas dan kedudukan tempat-tempat di seluruh lapangan-terbang negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan asal berkenaan lapangan-terbang Kuala Trengganu. Ini tidak termasuk Kuala Lumpur.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sedikit sahaja saya hendak bertanya iaitu mengenai khemah sementara pemeriksaan keselamatan yang menurut Yang Berhormat Timbalan Menteri akan dibina dalam bulan April tahun hadapan. Ertinya kita ada 5 atau 6 bulan lagi daripada sekarang ini barulah dapat satu bangunan yang sempurna sedikit. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan mengarahkan pihak MAS supaya membina satu lagi khemah (camp) misalnya, supaya orang-orang yang selepas diperiksa keselamatan itu bolehlah berteduh apabila hujan atau panas.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, saya akan meninjau pandangan itu dan sekiranya menasabah akan diambil tindakan.

PERKAMPUNGAN DI SEMPADAN MALAYSIA/THAILAND

9. Tuan Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan tidakkah Kerajaan bercadang hendak memagar kawat berduri di sepanjang sempadan Malaysia-Thailand dan membuka kawasan perkampungan dan pertanian di tepi sempadan itu, bagi mencegah aktiviti-aktiviti anasir-anasir jahat dan penyeludupan untuk selama-lamanya.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidakkah bercadang hendak membina pagar-pagar kawat berduri di sepanjang sempadan Malaysia/Thailand kerana ia tentu memerlukan perbelanjaan yang besar dan akan menimbulkan kesulitan kepada penduduk-penduduk di kawasan sempadan itu. Memandangkan kegiatan-kegiatan penyeludupan adalah bertumpu di kawasan-kawasan yang tertentu sahaja, maka Kerajaan telahpun mendirikan pagar-pagar kawat berduri dua lapis sejauh 17 batu iaitu dari Padang Besar sehingga ke Chuping dan kerja-kerja bagi menyambung pagar tersebut daripada Chuping ke Bukit Kayu Hitam sejauh 5 batu lagi sedang dimulakan. Keperluan untuk menyambung pagar tersebut juga iaitu hingga ke Bukit Tanga di daerah Bukit Kayu Hitam sepanjang 5 batu lagi sedang dalam kajian dan adalah dianggar projek-projek tersebut akan menelan belanja sebanyak \$9 juta.

Walau bagaimanapun bagi mencegah kegiatan-kegiatan penyeludupan di kawasan-kawasan sempadan yang tidak berpagar, pihak Kerajaan telah menubuh sebanyak 18 unit pencegah penyeludupan ataupun UPP yang mempunyai kekuatan anggota sebanyak sekarang ini 758 orang. Anggota-anggota ini adalah terdiri daripada pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Polis Di Raja, Jabatan Kastam, Imigresen dan juga Lembaga Padi dan Beras Negara.

Berhubung dengan mengadakan perkampungan di kawasan sempadan itu, memanglah pihak Kerajaan ada bercadang bagi mengadakan kawasan perkampungan dan juga pertanian di kawasan-kawasan sempadan Malaysia/Thailand yang tertentu untuk penduduk-penduduk yang berdekatan di situ dengan

satu-satu tujuan. Walau bagaimanapun, rancangan ini masih dalam peringkat kajian kerana berbagai-bagai aspek daripada segi pelaksanaan perlulah ditimbangan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sedar bahawa banyak jalan-jalan di sempadan di antara Tanah Merah iaitu di Bukit Bunga sehingga sampai ke Pengkalan Kubur iaitu di kawasan Tumpat banyak terdapat beratus-ratus pengkalan ataupun jalan yang digunakan oleh orang-orang untuk melintas masuk ke sempadan Siam tanpa ada apa-apa kawalan. Apakah tindakan segera akan diambil supaya jalan-jalan itu dapat dikawal supaya tidak sewenang-wenangnya digunakan oleh penyeludup atau orang-orang yang haram melintas jalan itu.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj:

Tuan Yang di-Pertua, memanglah pihak Kerajaan sedar keadaan itu berlaku iaitu jalan-jalan di antara dua buah negeri di sempadan dalam negeri Kelantan dan juga dalam negeri-negeri lain seperti Kedah dan Perlis dan jalan-jalan ini adalah sentiasa digunakan oleh penduduk-penduduk sempadan di antara dua buah negeri ini iaitu adalah keadaan yang menjadi tradisi kepada penduduk-penduduk dua buah negeri di sempadan ini. Walau bagaimanapun sebagaimana yang telah saya jelaskan tadi kawalan-kawalan sentiasa diadakan di kawasan-kawasan yang tersebut itu oleh pihak Pasukan Pencegah Penyeludupan.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Soalan tambahan. Adakah benar walaupun kita telah mendirikan pagar di sempadan iaitu di antara Malaysia dengan Thailand tetapi oleh kerana kita kurang mengawasi dan kurang penjagaan maka pagar-pagar itu ada tempat-tempat yang tertentu telah digunting dan dijadikan saluran untuk penyeludupan daripada Thailand ke Malaysia.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj:

Tuan Yang di-Pertua, sememanglah benar keadaan demikian berlaku pada satu-satu masa dan keadaan yang demikian telahpun diatasi dengan diadakan iaitu rondaan-rondaan dengan lebih kerap lagi untuk mencegah keadaan-keadaan seumpama itu berlaku. Rondaan-rondaan bukan sahaja diada-

kan oleh pihak pencegah penyeludupan bahkan juga diadakan oleh Yunit Keselamatan Kawasan yang berada dalam kawasan itu. Rondaan-rondaan ini dibuat pada setiap masa iaitu 24 jam pada satu hari.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pemagaran yang dibuat di sebelah Perlis dan Kedah, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan memandangkan bahawa gerakan Daoyai-Musnah dahulu juga melibatkan sempadan di antara Kelantan dengan Thailand terutama sekali kawasan saya Tanah Merah dengan Bukit Tar sebelah pihak Thailand dan memandangkan begitu banyak kadang-kadang anggota tentera terpaksa digunakan dalam masa-masa tersebut untuk mengawal kawasan-kawasan tersebut, adakah pihak Kementerian beliau bercadang sekurang-kurangnya untuk memagarkan tempat-tempat yang saya sebutkan tadi iaitu persempadanan Daerah Tanah Merah dengan Daerah Selatan Thailand.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj:

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya telah terangkan tadi, perkara ini belumlah lagi ada cadangan untuk memagar sempadan di sebelah Kelantan dan negeri Thailand. Walau bagaimanapun selain daripada pengawasan yang telah diadakan maka penelitian akan diadakan juga sama ada masabah didirikan pagar.

SEKOLAH MENENGAH DI SARIKEI

10. Tuan Chieng Tiong Kai minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kerajaan akan menubuhkan sebuah Sekolah Menengah Tingkatan Atas di Sarikei, Bahagian Keenam, Sarawak, memandangkan bertambahnya bilangan penuntut di kawasan ini.

Tuan Haji Salleh Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, dalam Bahagian Keenam, Sarikei sekarang terdapat 4 buah sekolah menengah atas (yang ada Tingkatan 5), iaitu Sekolah Menengah Kerajaan Binatang Gred C, Sekolah Menengah Bantuan Sarikei High Gred C, Sekolah Menengah Bantuan Kai Chong Gred C, dan Sekolah Menengah Bantuan Sarikei Gred C. Dari 4 buah sekolah itu terdapat 11 darjah Tingkatan 5 mengandungi 473 orang murid. Dengan kadar 25% lulus, dijangka 118 murid atau 3 darjah adalah layak naik ke Tingkatan 6 dalam tahun

1979. Setakat ini bilangan tersebut bolehlah diserap di sekolah-sekolah Tingkatan 6 di Miri, Kuching dan Simanggang dengan peruntukan bilangan kelas yang ada.

SEKIM GAJI BOMBA

11. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) mengapa sekim gaji ahli bomba di negara kita ini tidak selaras dengan sekim gaji warder penjara; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang memberi saguhati kepada anggota bomba yang mendapat kemalangan atau kecederaan semasa menjalankan tugas seperti yang diberi kepada pasukan keselamatan kita.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Tanggagaji Ahli Bomba di negara kita sebelum pelaksanaan Laporan Gaji Kabinet adalah sama dengan gaji Warder Penjara dari segi gaji maksimumnya. Tetapi dengan berkuatkuasanya sekim gaji baharu mengikut Laporan Jawatankuasa Kabinet, tanggagaji ahli-ahli bomba telah diubah dan dengan itu mereka sekarang diberi tanggagaji yang baharu yang mana gaji maksimumnya adalah kurang daripada gaji maksimum baharu Warder-warder Penjara.
- (b) Anggota-anggota bomba tidak termasuk dalam kumpulan penerimaan saguhati sebagaimana yang diberi kepada pasukan keselamatan kita. Walau bagaimanapun, Kementerian ini sedang berusaha dengan pihak tertentu semoga anggota-anggota bomba ditimbangkan untuk mendapat saguhati seperti yang dipersoalkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lim Kiam Hoon.

(Soalan No. 12 Y.B. Tuan Lim Kiam Hoon tidak hadir).

RAKYAT MALAYSIA BERPINDAH KE LUAR NEGERI

13. Tuan P. Patto (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah bilangan rakyat Malaysia telah pindah ke lain negeri sejak Merdeka dan ke negara manakah mereka berpindah.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj; Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan ini, sukalah saya menyatakan bahawa Kerajaan tidak ada menyimpan rekod bilangan mereka itu kerana mereka yang tinggal tetap di negara pilihan masing-masing tidak memberi maklumat kepada Kedutaan ataupun Suruhanjaya Tinggi Malaysia di negara-negara yang berkenaan.

PERUNTUKAN RANCANGAN PEMBANGUNAN

14. Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menerangkan jumlah sebenar perbelanjaan yang telah dibelanjakan oleh Kementerian beliau dalam melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan dalam masa Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga mengikut pecahan berikut:

- (i) Perbelanjaan untuk rancangan-rancangan pembangunan di bandar-bandar besar;
- (ii) Perbelanjaan untuk rancangan-rancangan pembangunan di kampung-kampung baru; dan
- (iii) Perbelanjaan untuk rancangan-rancangan pembangunan di kampung-kampung.

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, jumlah perbelanjaan sebenar yang telah dibuat oleh Kementerian saya bagi bandar-bandar besar, kampung-kampung baru dan kampung-kampung tradisi adalah seperti berikut:

- (i) Bagi bandar-bandar besar kecuali Dewan Bandaraya ialah \$124,166,182.49.
- (ii) Bagi kampung-kampung baru ialah \$14,377,010.
- (iii) Bagi kampung-kampung tradisi ialah \$8,282,204.93.

HARGA BERAS OLEH L.P.N.

15. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan adakah beliau sedar bahawa pemasaran padi/beras oleh Lembaga Padi dan Beras Negara (L.P.N.) sendiri, juga dengan penetapan harga beras bagi tiap-tiap buah negeri itu, telah mengancam dan terus mati pelesen-pelesen Bumiputra.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Idris bin Abdul Rauf): Tuan Yang di-Pertua, kegiatan L.P.N. dalam pemasaran padi dan beras tidaklah mengancam atau mematikan pelesen-pelesen Bumiputra, tetapi sebaliknya membantu perniagaan pelesen-pelesen Bumiputra tersebut. Dengan adanya Harga Tawaran Padi L.P.N., petani-petani mendapat harga padi yang berpatutan kerana L.P.N. sanggup membeli padi petani yang mana pihak swasta tidak sanggup membelinya. Pelesen-pelesen Bumiputra juga membeli padi dari petani-petani dan kemudian menjualkannya kepada kilang-kilang swasta dan juga ke Kompleks L.P.N.

Dalam soal pemasaran beras, perbezaan harga jualan maksima di antara negeri-negeri adalah berdasarkan kepada kos pengangkutan beras dari kawasan pengeluaran padi. L.P.N. menetapkan juga harga jualan maksima bagi beras di peringkat kilang, borong dan runcit. L.P.N. menjual beras-berasnya kepada pemborong-pemborong sahaja, termasuklah pemborong-pemborong Bumiputra yang kemudiannya menjual kepada peruncit-peruncit.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana jawapan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam tadi bahawa menetapkan harga beras pada tiap-tiap negeri oleh L.P.N. boleh menolong para petani dan juga para pelesen pemborong bumiputra. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberi butir-butir harga penetapan beras bagi tiap-tiap negeri, dan apakah dengan harga yang ditetapkan itu boleh memberi keuntungan kepada pelesen-pelesen bumiputra.

Tuan Idris bin Abdul Rauf: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soalan pertama tadi, saya ingin menyatakan bahawa semua penetapan harga ini telahpun digazetkan iaitu

mengikut Warta Kerajaan Bilangan PU (A) 156/74. Untuk soalan yang kedua, iaitu dari segi keuntungan yang didapati oleh pemborong-pemborong, di dalam penetapan harga-harga oleh L.P.N. daripada peringkat kilang, pemborong dan runcit, kita memang menetapkan, memang mewujudkan element of profit. Jadi dengan adanya penetapan harga, dengan adanya element of profit ini maka tidak timbul soal pemborong-pemborong tidak mendapat keuntungan.

Tuan Ismail bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah beliau sedar bahawa dengan harga tertentu bagi beras-beras di tiap-tiap negeri itu telah menimbulkan usaha-usaha penipuan gred beras tertentu oleh peniaga-peniaga beras dengan tujuan untuk mendapatkan keuntungan yang lebih daripada jualan mereka.

Keduanya, saya ingin mengetahui juga, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ini sedar bahawa dengan tindakan penipuan gred beras berlaku, pihak L.P.N. mengambil tindakan dan melakukan penangkapan dan hasil atas tindakan ini, pihak pemborong-pemborong beras cuba melemahkan keadaan dalam pemasaran beras dan kesannya menjadikan harga padi dalam pasaran jatuh dan menyebabkan para petani yang sedang menuai padi di Kedah sekarang ini menerima bebanan yang berat, dan jika sedar apakah tindakan atau usaha-usaha pihak Kementerian dalam mengatasi masalah tersebut.

Tuan Idris bin Abdul Rauf: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan gred, saya telahpun menyatakan bahawa telah digezetkan mengikut gred yang tertentu sama ada gred A1, gred A2 dan sebagainya, maka tidak timbul soal apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tetapi walau bagaimanapun pihak L.P.N. mempunyai satu Enforcement Unit yang berkesan, yang sentiasa mengesan dari segi perjalanan ataupun penyelewengan yang dibuat sama ada dari segi gred-gred yang telah dicakapkan oleh Yang Berhormat ataupun dari segi penyelewengan berhubung dengan pemborong-pemborong yang cuba melemahkan dari segi petani-petani padi tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 dan No. 16 hingga 18 adalah diberi di bawah ini).

PUSAT PERNIAGAAN MARA DI PADANG SERAI

12. Tuan Lim Kiam Hoon minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada MARA akan meneruskan rancangannya membina pusat perniagaan di Padang Serai seperti yang telah dirancang oleh kerana ini akan dapat menyelesaikan masalah menempatkan peniaga-peniaga Bumiputra di sana.

Menteri Perusahaan Awam (Tuan Abdul Manan bin Othman): Pada mulanya memang MARA telah bersetuju untuk mendirikan 7 yunit bazaar sebagai salah satu projek Rancangan Malaysia Ketiga dalam tahun 1977 dengan peruntukan sebanyak \$75,000 di Padang Serai, Kulim, Kedah. Tetapi oleh kerana peniaga-peniaga tempatan berhasrat untuk membeli bangunan perniagaan tersebut dan ini tidak selaras dengan dasar MARA yang hanya akan menyewakannya sahaja, maka Kerajaan Negeri telah meminta pihak Perbadanan Kemajuan Negeri (S.E.D.C.) mengambil alih projek tersebut dan MARA diarah mencari satu kawasan lain sebagai ganti.

Berdasarkan keadaan seperti di atas, MARA telah membatalkan projek di Padang Serai dan sebagai gantinya satu projek yang sama akan dijalankan di Kilang Lama, Kulim dalam tahun 1979.

KERJA-KERJA PEMBORONG

16. Tuan Hussein bin Mahmood minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan bagaimanakah proses dan lama masa yang diambil untuk menamatkan seseorang pemborong yang diberikan kerja-kerja di bawah Kementerian-nya apabila didapati kerja-kerja pemborong tersebut tidak memuaskan ataupun tidak langsung memulakan kerja-kerja yang diberikan kepadanya. Adakah beliau berpuashati dengan cara tersebut.

Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' Lee San Choon): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jika didapati seseorang pemborong itu tidak mempunyai keupayaan langsung hendak menyiapkan satu-satu kontrék itu maka notis menamatkan kontrék diberikan kepada pemborong-pemborong tersebut. Tindakan menyelidik dan menamatkan kontrék itu biasanya memakan masa lebih kurang satu bulan.

Pada kebiasaannya seorang pemborong akan diberi tempoh selama 3 bulan untuk bergerak memulakan kerjanya mulai daripada tarikh diberi tapak dan jika selepas tiga bulan ia masih tidak memulakan kerjanya maka tindakan akan diambil untuk menamatkan kontrék itu.

Saya adalah berpuashati dengan peraturan-peraturan yang ada pada masa ini. Dalam pada itu saya suka menjelaskan bahawa sehingga ini Kementerian telah cuba seberapa boleh untuk menolong pemborong-pemborong Bumiputra yang tidak dapat meneruskan atau tidak dapat memulakan kontrék mereka. Tetapi memandangkan banyaknya projek-projek yang telah tergendala, Kementerian saya terpaksa akan mengambil tindakan yang lebih tegas terhadap pemborong-pemborong yang tidak mematuhi syarat-syarat kontrék mereka.

KAYU-KAYAN

17. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah dasar Kerajaan mengenai pembahagian hasil perhutanan, khususnya kayu-kayan. Berapakah peruntukan untuk kegunaan tempatan dan berapa pula dijual keluar negeri. Dan nyatakan apakah langkah Kerajaan untuk mengatasi kesulitan kayu-kayan bagi kilang gergaji kayu Bumiputra Kelantan yang mengalami kekurangan bekalan bahan itu akibat terlalu banyak kayu-kayan tempatan diekspot keluar negeri.

Tuan Idris bin Abdul Rauf: Mengenai soalan Ahli Yang Berhormat tersebut, dasar Kerajaan mengenai pembahagian hasil perhutanan khususnya kayu-kayan adalah meliputi beberapa aspek berikut:

- (a) Pihak Kerajaan kini memandang berat mengenai hasil hutan yang akan menjadi semakin berkurangan sekiranya beberapa masalah mengenai perhutanan ini tidak diselesaikan seperti:

- (i) kadar pemotongan kawasan balak yang terlalu tinggi dan tidak terkawal;
 - (ii) kadar menanam semula hutan yang terlalu perlahan;
 - (iii) pembaziran sisa kayu-kayan yang begitu tinggi peratusannya.
- (b) Pihak Kerajaan sememangnya mengambil beberapa langkah untuk mengatasi keadaan di atas bagi membolehkan:
- (i) negara kita mempunyai bekalan kayu-kayan yang cukup dan stabil;
 - (ii) pendapatan luar negeri yang lebih tinggi dari pengeluaran kayu-kayan di negara ini;
 - (iii) galakan yang terus kepada pihak Bumiputra dari segi mendapati pembahagian hasil perhutanan yang lebih adil, sesuai dengan cita-cita Dasar Ekonomi Baru.

Setakat ini pihak Kementerian saya telah menentukan bahawa hanya 3% daripada jumlah pengeluaran kayu balak dari Semenanjung Malaysia yang boleh diekspot ke luar negeri dan penguatkuasaan quota ini telahpun berjalan sejak tahun 1976. Ini bertujuan memastikan supaya pembekalan kayu balak untuk kilang-kilang papan di negara ini akan terus mencukupi. Sementara itu, dari statistik yang ada, menunjukkan bahawa kira-kira 51% daripada papan gergaji yang dikeluarkan daripada negara ini telah diekspotkan, manakala 49% daripadanya telah digunakan di dalam negara. Kementerian saya setakat ini belumlah lagi bercadang untuk mengenakan sistem quota ke atas pengeksportan kayu gergaji ini.

Kesukaran pembekalan kepada kilang-kilang papan Bumiputra bukanlah dihadapi oleh pengilang-pengilang papan Bumiputra di Kelantan sahaja malah oleh kebanyakan kilang-kilang di negara ini. Di antara sebab-sebab utama terjadinya demikian ialah kerana pengilang-pengilang papan tidak memiliki kawasan-kawasan membalak bagi pembekalan masing-masing. Ini menyebabkan mereka terpaksa bertanding dalam pasaran terbuka bagi mendapatkan pembekalan yang biasanya tertakluk kepada pertandingan hebat, lebih-lebih lagi wujudnya

harga yang lebih baik di pasaran antara-bangsa. Untuk mengatasi keadaan ini pada keseluruhannya termasuk soal kekurangan bekalan kayu-kayan di Kelantan, Kementerian saya telahpun membuat beberapa langkah ke arah mengatasi masalah tersebut. Di antaranya adalah:

- (i) Pihak Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan menggalakkan lagi penggunaan kayu-kayu balak yang kurang dikenali (lesser known species of local timber). Adalah dianggarkan bahawa terdapat kira-kira 2,500 jenis kayu-kayan yang berada dalam hutan-hutan belantara di Semenanjung Malaysia dewasa ini.
- (ii) Pihak Kerajaan juga bercadang meneruskan sistem quota yang dikuatkuasakan sekarang ini ke atas pengeksportan ke semua jenis kayu yang mempunyai garis pusat 16" dan lebih dan sistem quota telahpun dilaksanakan sejak tahun 1976 lagi.
- (iii) Pihak Kerajaan juga bercadang meneruskan pengharaman pengeksportan ke atas 14 jenis kayu balak tertentu seperti yang dikuatkuasakan sekarang ini.
- (iv) Perlaksanaan Dasar Hutan Negara yang telah diluluskan oleh Majlis Tanah Negara pada bulan April, 1978 ini dan penguatkuasaan Kanun Kehutanan Negara yang kini sedang digubal adalah diharapkan akan, antara lain, dapat mengurangkan jumlah kawasan membalak yang diusahakan.
- (v) Sebagai satu langkah untuk membantu pengilang-pengilang Bumiputra untuk meringankan masalah perbekalan ini khususnya di negeri Kelantan sendiri, saya difahamkan bahawa Kerajaan Negeri Kelantan telahpun memberi kawasan membalak kepada Syarikat Balak Pertama, satu-satunya Syarikat gabungan di antara beberapa syarikat kilang Bumiputra, bagi mengusahakan kawasan balak yang diberikan secara usahasama. Saya percaya Kerajaan-Kerajaan Negeri akan terus memberi keutamaan kepada pengilang-pengilang Bumiputra dalam pemberian kawasan hutan di masa-masa akan datang.

GURU SEMENTARA DI SEKOLAH-SEKOLAH TAMIL

18. Tuan P. Patto minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa ramai guru-guru sementara di sekolah-sekolah Tamil masih lagi dijawatkan sebagai guru sementara sungguhpun mereka telah berkhidmat sebagai guru sudah bertahun-tahun, jika ya, adakah Kerajaan bercadang untuk menyerap semua guru-guru sementara ini sebagai guru tetap dan membayar gaji yang lumayan untuk membolehkan mereka menikmati satu kehidupan sempurna bagi diri mereka dan keluarga mereka.

Tuan Haji Salleh Jafaruddin: Saya sedar ada guru-guru sandaran (attachment) di sekolah-sekolah Tamil yang masih lagi bertugas sebagai guru sementara sungguhpun mereka telah berkhidmat sebagai guru sudah bertahun-tahun lamanya. Keadaan ini timbul kerana guru-guru ini tidak mempunyai kelayakan yang membolehkan mereka dilantik ke jawatan tetap. Mengikut kehendak Sekim Perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pelajaran dalam kategori dan tanggagaji C2, guru-guru ini hendaklah terlebih dahulu mempunyai:

- (i) Sijil Pelajaran Malaysia dengan sekurang-kurangnya mendapat kepujian dalam Bahasa Malaysia atau lain-lain kelayakan akademik yang setaraf dengannya; dan
- (ii) Sijil Maktab Perguruan yang diiktiraf atau lain-lain kelayakan perguruan yang setaraf dengannya.

Sebelum mereka layak untuk dilantik ke jawatan tetap.

Kuasa untuk melantik guru-guru ini ke jawatan tetap terletak di tangan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Guru-guru ini yang mempunyai kelulusan yang disebutkan di atas bolehlah membuat permohonan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran melalui Jabatan Pelajaran Negeri untuk dilantik ke jawatan tetap. Tetapi selagi mereka tidak mempunyai kelayakan tersebut, Kerajaan tidak boleh melantik mereka ke jawatan tetap.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1979

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1979

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1979 dan Anggaran Pembangunan, 1979 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (29hb November, 1978).

Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis sedang menimbangkan Anggaran Belanjawan Kementerian Undang-undang dan saya akan minta Yang Berhormat Menteri menjawabnya pada pukul 4.45 petang dan selepas itu Majlis akan menimbangkan Anggaran Perbelanjaan bagi Kementerian Luar Negeri, iaitu Belanja Mengurus B. 30 dan Belanja Pembangunan P. 30.

Pada masa Majlis ini ditangguhkan pada petang semalam, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh baharu memulakan ucapannya, sekarang saya jemput Yang Berhormat untuk meneruskannya.

3.37 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed (Pasir Puteh): Tuan Pengerusi, pada hari kelmarin saya telah menyebutkan tentang implikasi daripada kelambatan itu telah timbul masalah tidak puas hati di kalangan anak-anak pesaka ataupun waris juga perbalahan telah timbul dan juga jika pesaka itu melibatkan tanah, menyebabkan tanah-tanah tidak diusahakan dan tidak dapat dimajukan.

Antara kelambatan-kelambatan yang pernah berlaku ialah pertama di Pusat Pendaftaran iaitu untuk mengesahkan dari pendaftaran Mahkamah Tinggi bahawa untuk

mengesahkan samada pesaka itu telahpun dibuat tuntutan oleh waris-warisan ataupun tidak setelah dihantar kad biru, iaitu Borang B dan untuk menunggu Borang C ini memakan masa sampai bertahun-tahun dan kalau dua tiga bulan itu adalah jarang sekali berlaku. Tetapi sepatutnya perkara ini dapat dilakukan dalam masa dua tiga minggu sahaja. Walaupun perkara ini telah diulang beberapa kali dengan surat tetapi hampir setahun Borang C ini baharu dihantar kepada pihak Pegawai Pesaka untuk dibicarakan.

Yang kedua, didapati bahawa kekurangan pegawai iaitu pegawai di dalam bahagian Pesaka Kecil di peringkat negeri dan daerah. Mengikut straktor baharu Pegawai Penyelesaian Pesaka Kecil ini akan diletakkan di bawah Jabatan Pemegang Amanah Raya dan Pentadbiran Pesaka. Di Malaysia ini ada seramai lebih kurang 25 orang dengan mempunyai 14 orang kerani, 25 orang Penghantar Notis dan 25 orang Penempatan adalah jauh daripada mencukupi untuk menyelesaikan kes-kes yang banyak itu dan juga untuk menampung tugas-tugas yang dahulunya dilakukan oleh Pemungut Hasil Tanah yang kita tahu pada tiap-tiap daerah ada seorang ataupun dua orang Pemungut Hasil Tanah ini menjalankan tugas bagi menyelesaikan pesaka ini. Oleh itu, Pegawai Penyelesaian Pesaka Kecil ini haruslah ditempatkan tiap-tiap daerah sekurang-kurangnya seorang bagi pegawainya dengan seorang pegawai kerani dan seorang atau dua Penghantar Notis dan seorang Pegawai Penempatan, baharulah pesaka yang begitu banyak dapat diselesaikan dan masalah rakyat bersungut mungkin tidak akan timbul lagi.

Oleh itu kuasa penyelesaian pesaka kecil ini tidaklah perlu lagi ditarik daripada Pemungut Hasil Tanah buat sementara ini sebelum Jabatan Pemegang Amanah Raya atau Pentadbiran Pesaka ini mempunyai pegawai yang cukup, di samping pegawai-pegawai Pentadbiran Pesaka Kecil ini mendapat pengalaman dan pengetahuan yang cukup bagi menjalankan tugas kerana di dalam menyelesaikan pesaka ini bukan sahaja pegawai-pegawai itu mengetahui Undang-undang Pesaka tetapi pegawai itu harus juga memahami tentang Undang-undang Tanah (National Land Code) dan juga undang-undang yang berkaitan. Jadi kuasa yang ada pada P.H.T. itu harus dikekalkan buat sementara.

Yang ketiga, perubahan pentadbiran penyelesaian pesaka ini daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan kepada Kementerian Undang-undang juga menjadikan Pemegang Amanah Raya dan Pentadbiran Pesaka ini mempunyai beban yang banyak kerana kes-kes dalam pesaka biasa pun nampaknya bertimbun-timbun yang tidak dapat diselesaikan. Ini ditambahkan pula dengan tugas Pentadbiran Pesaka Kecil.

Yang keempat, kelambatan ini juga terdapat di dalam Undang-undang Pembahagian Pesaka Kecil, 1955, (Akta 98) itu sendiri kerana di dalam Akta itu telah didapati bahawa pegawai-pegawai mempunyai kuasa yang sedikit dan terhad dalam menentukan waris, soal jual-beli atau soal harta sipencarian, sebab-sebab kematian, yang semuanya ini terpaksa dirujuk ke Mahkamah Tinggi ataupun ke Mahkamah Kadi yang sudah tentu memakan masa. Lebih-lebih lagi dalam Akta ini tidak ada peruntukan yang mana pegawai pesaka ataupun P.H.T. boleh memaksa atau mengarah mana-mana pihak supaya mengeluarkan waran tangkap kepada waris-warisan yang tidak hadir, hanya kuasa mengubah masa perbicaraan sahaja. Mungkin waris-warisan yang tidak hadir itu tidak hadir juga, menyebabkan pesaka itu akan tinggal dan tidak diusik atau dibicarakan. Kes yang susah dan rumit ditangguhkan tetapi dengan mengeluarkan surat kuasa atau L.A. di bawah seksyen 13 yang tidak dihadkan masanya menyebabkan pesaka itu juga tersimpan dan tidak dibicarakan.

Selain daripada itu, peruntukan dalam Akta 98 juga tidak ada yang boleh memaksa atau meminta kerjasama mana-mana peguam dan meminta supaya peguam itu memberitahu kes-kes yang telah dibawa ke mahkamah ataupun yang telah diselesaikan di mahkamah itu diberitahu kepada Pegawai Pesaka ataupun P.H.T. kerana apabila berlakunya pertelingkahan atau collateral dispute selepas mengeluarkan Borang "O" didapati perkara itu samada dibawa ke Mahkamah ataupun tidak, tidak diberitahu kepada Pegawai Pesaka menyebabkan kes itu tergantung dan bilangan kes juga bertambah. Begitu jugalah dalam kes membuat rayuan, selalunya tidak diberitahu kepada Pegawai Pesaka oleh pihak peguam kerana tidak ada kuasa dalam peruntukan Akta memaksa supaya pihak peguam itu memberitahu kepada Pegawai Pesaka.

Di dalam Akta 98 itu juga menimbulkan persoalan tentang pembeli yang tidak berdaftar dianggapkan pembeli yang sah (purchaser) sekiranya pembelian itu berlaku sebelum 1hb Oktober, 1949. Jika selepas tarikh itu dianggapkan sebagai piutang (creditor) menyebabkan pembeli baru tidak dapat memiliki tanah terus. Ini juga menimbulkan masalah kepada pembeli yang warisnya tidak mengakui. Jadi lebih rumit lagi untuk kita melakukan perbincangan ini dengan hendak membuatkan attestation dahulu, kerana tidak boleh dipindah terus, sebelum habis tempoh 14 hari masa penggantungan. Dan juga tentang tarikh 1hb Oktober, 1949 itu juga telah menimbulkan persoalan kenapa tidak diambil tarikh-tarikh lain setidaknya tarikh melaksanakannya Akta Pembahagian Pesaka Kecil, 1955. Jadi tarikh ini juga harus dipinda atau dicari tarikh lain yang boleh menyenangkan Pegawai Pesaka ini menyelesaikan pesaka.

Banyak lagi beberapa kelonggaran dalam Akta 98 ini yang patut dipinda yang saya rasa melambatkan penyelesaian pesaka kecil. Lebih-lebih rumit lagi apabila benda ini berlaku di negeri Kelantan apabila tanah-tanah pesaka ini termasuk di dalam rancangan penyelesaian tanah Kelantan yang terpaksa mengeneppikan Akta 98 iaitu harta pesaka kecil ini dan menggunakan Akta Penyelesaian Tanah iaitu tanah-tanah pesaka atau tanah-tanah siapapun ditentukan hakmiliknya dengan berdasarkan siapa yang memerintah (by occupation). Jadi siapa yang memerintah tanah itu dialah yang berhak. Jadi pertelingkahan di antara dua Akta ini juga menimbulkan masalah kepada pemilik-pemilik tanah pesaka di Kelantan. Yang menyedihkan lagi ialah pesaka yang tidak dinotis atau dibuat tuntutan. Walaupun ada Akta 98 dalam seksyen 18 (1) yang menjadikan tanggungjawab Penghulu atau Penggawa melapor kepada Pegawai Pesaka dalam masa 6 bulan, tetapi waris-waris ini tidak melapor atau membuat tuntutan bagi pihak waris. Ini adalah tidak dilaksanakan dengan sepatutnya. Ini juga pihak pegawai tidak mempunyai kuasa memaksa pihak yang berkenaan iaitu Penggawa atau Penghulu ini menjalankan tugasnya bagi melapor hal pesaka ini.

Satu lagi, waris tidak tahu cara membuat tuntutan kerana tidak ada penerangan yang cukup dan seterang-terangnya kepada waris-waris si mati ini; lebih-lebih lagi kerana

katanya untuk menuntut pesaka ini memakan belanja yang banyak dan setengah-setengah tempat didapati ada golongan atau sindiket yang tolong hendak menyelesaikan pesaka ini dengan mengambil wang beratus-ratus ringgit daripada orang-orang kampung untuk menyelesaikan pesaka ini. Ini tidak lain disebabkan oleh kerana lambatnya proses pesaka itu maka orang-orang kampung ini telah menggunakan orang lain supaya mempercepatkan pesaka ini dengan menggunakan wangnya sampai beratus-ratus ringgit dan itupun kadang-kadang belum lagi selesai. Jadi peranan orang tengah ini haruslah pihak Kementerian ini mengatasi dengan mempercepatkan pesaka-pesaka yang dituntut supaya orang tengah ini tidak akan menjalankan aktiviti dengan sewenang-wenangnya. Sekianlah sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani.

3.46 ptg.

Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Pengerusi, saya sukalah mengambil bahagian untuk menyokong peruntukan bagi Kementerian Undang-undang. Saya menyentuh Maksud B. 48, Aktiviti (5)—Perkhidmatan Bantuan Guaman.

Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan sebab mengadakan sebuah cawangan iaitu sebuah pejabat bagi Perkhidmatan Bantuan Guaman di Alor Setar bagi negeri Kedah. Perkhidmatan ini sangat perlu dan mustahak bagi membantu orang-orang yang tidak mampu membayar wang kepada peguam (lawyer) untuk menjalankan kes-kes seperti isteri-isteri dan anak-anak yang ditinggal dengan tidak diberi nafkah oleh suami-suami, setengahnya bercerai dan setengah yang ditinggal begitu sahaja.

Tuan Pengerusi, pada hari saya pergi ke pejabat itu, saya nampak seorang sahaja pegawai yang bertugas dan apabila pegawai itu keluar tidak ada siapa yang boleh memberi apa-apa penerangan dan penjelasan. Oleh sebab itu saya suka mencadangkan patutlah ditambah pegawai-pegawai bagi pejabat ini supaya apabila seorang itu keluar, bolehlah yang ada di situ mengambil tahu di atas laporan-laporan yang akan dimaklumkan oleh pihak yang pergi mengadu. Bukanlah setakat kes-kes nafkah tetapi ada

juga kes-kes berkenaan dengan harta pesaka yang setengah daripada keluarga itu tidak begitu menjalankan atau telah memperdayakan keluarga-keluarga yang lain. Jadi di sebelah yang tidak mampu inilah yang patut diambil pertimbangan oleh pihak Perkhidmatan Bantuan Guaman.

Tuan Pengerusi, dari kampung ke Sungai Petani dan dari Sungai Petani ke bandar Alor Setar, begitu jauhnya perjalanan, mereka terpaksa menaiki bas atau teksi, menggunakan tambang yang banyak juga, terpaksa makan tengahari pula di sana dan bagi keluarga yang tidak mampu tadi, yang miskin, tentulah perkara yang begini menjadi berat kepada mereka itu. Jadi saya sukalah mencadangkan supaya pejabat begini juga diadakan di Sungai Petani, supaya mereka yang berdekatan dengan Sungai Petani seperti daerah Baling, Sik, dan sebagainya dapatlah datang ke pejabat Perkhidmatan Bantuan Guaman ini dan tidak payahlah mereka pergi ke Alor Setar.

Tuan Pengerusi, menyentuh Aktiviti (6)—Pusat Biro Narkotik. Kita sekarang mempunyai tiga buah sahaja Pusat Pemulihan Penagih Dadah. Saya rasa tidaklah mencukupi

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Pusat Biro Narkotik—Kementerian Undang-undang tidak ada meminta apa-apa anggaran, tidak boleh bercakap di dalam hal ini. Itu di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Wan Zainab binti M. A. Bakar: Tuan Pengerusi, saya beralih menyentuh kepada B. 48, Aktiviti (3)—Perkhidmatan Pendakwaan.

Kita faham jika seseorang yang menyimpan sepucuk senjatapi tanpa lesen mestilah ada tujuan tertentu tetapi bukan hendak dijadikan perhiasan atau azimat, mestilah untuk merompak, menyamun atau kalau dikehendaki membunuh sampai tingkat membunuh. Kalau dia dapat merompak dan menyamun sudah wajar dia dihukum dengan sehabis-habis berat walau di bawah akta apa sekalipun.

Tuan Pengerusi, saya rasa pelaksanaan undang-undang di negara kita ini sangat liberal, inilah dilemma undang-undang yang boleh menghukumkan di antara minima dan

maksima. Tetapi saya menyerulah supaya hukuman di dalam menyimpan senjatapi tanpa lesen ini dihukum dengan sehabis-habis berat bukanlah sebagai kata Ahli Yang Berhormat dari Menglembu kalau tujuan merompak dan menyamun bukan sampai kepada subversif jangan dibawa di bawah ISA. Tetapi pada pendapat saya, menyimpan sepucuk pistol dengan peluru mengakibatkan ketenteraman orang ramai, ini bukan perkara kecil. Bukan setakat di bawah ISA di bawah apa sekalipun kalau sampai hukuman mati biarlah diteruskan hukuman mati tanpa diberi banyak sangat rayuan. Kita nampak di negara kita ini cuma apabila ada orang tahanan kita tahan lama-lama, dengan ini kita merugikan banyak wang Kerajaan dan juga wang rakyat, kita tahan sampai berapa puluh orang hanya ditahan begitu sahaja. Saya berpendapat tahan lama-lama ini merugikan kita semata-mata. Kalau sudah sampai kepada hukuman mati, mati lebih baik daripada di penjara lama-lama.

3.52 ptg.

Dato' Haji Abu Bakar bin Umar (Kota Setar): Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap sepatah dua dalam B. 48, Aktiviti (6)—Biro Siasatan Negara.

Nampaknya Kerajaan berazam betul hendak menghapuskan rasuah ini. Oleh kerana itu peruntukan tahun ini diminta lebih sedikit daripada yang telah dibelanjakan dan diminta pada tahun yang lepas.

Tuan Pengerusi, memanglah rasuah ini satu penyakit masyarakat yang sudah tua, sejak daripada wujudnya dunia, wujudnya manusia ada rasuah. Rasuah ini bolehlah dikatakan satu penyakit yang sudah chronic. Oleh kerana itu untuk menghapuskan dia, kita kena cari ubat yang luar biasa, ubat yang betul-betul mustajab barulah boleh menghapuskan dia.

Saya percaya apabila mendengar Yang Berhormat Menteri Undang-undang di waktu membentangkan peruntukan kelmarin, cara-cara untuk menghapuskan rasuah dan menyalahgunakan kuasa ini memanglah kalau kita laksanakan benar-benar kita boleh hapuskan dia dengan cara itu. Cuma yang saya berasa pelik sedikit kenapakah orang yang menerima rasuah sahaja yang menjadi kesalahan, orang yang memberi tidak? Kalau

mengikut ajaran Islam, saya teringat sepotong hadis yang berbunyi: “Alarsyi wal mutasyi finar”—orang yang beri rasuah dan orang yang menerima rasuah hukunya sama, kedua-duanya dan berdosa dan masuk neraka.

Kalau mengikut cara aturan ayat itu, orang yang beri ini lebih merbahaya daripada orang yang menerima. Tetapi kita, orang yang beri kita lepaskan dia. Tabii manusia, kalau ada orang beri, kita terima. Kalau orang beri

Tuan Pengerusi: Tengok apa barang yang diberi (*Ketawa*).

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Ya, barang apa pun. Kalau barang yang lebih baik, lagi banyak dia terima. Inilah masalahnya. Kalau hendak menghapuskan rasuah kedua-duanya kena hukum, lebih berat hukumannya kepada orang yang memberi, sebab kesalahannya pada orang yang memberi bukan pada yang menerima, tidak. Oleh kerana kita sekarang ini sudah mendahulukan yang kemudian, yang kemudian kita bubuh dahulu, itulah nampaknya sedikit-sebanyak usaha dan ikhtiar kita membasmi-kan rasuah ini tidak berkesan. Sekarang ini terpaksa kita kena ikut ajaran Islam. Kalau tidak silap saya, esok kita hendak melancarkan Bulan Dakwah—themanya pada tahun ini menyatakan “Islam Menjamin Keselamatan Umah”.

Tuan Pengerusi: Apa ada hubungannya dengan Butiran ini di bawah Maksud B. 48, Yang Berhormat.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Undang-undang, menyelamatkan umat ini dengan undang-undang, Tuan Pengerusi. Undang-undang rasuah ini kalau kita bawa cara ke arah itu, saya rasa kita dapat menghapuskan rasuah ini dengan cepat.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan khasnya kepada Menteri Undang-undang yang telah berazam untuk menambahkan anggota-anggotanya.

Kelmarin di waktu membentangkan peruntukan ini Yang Berhormat Menteri menyatakan kita akan mengambil 100 lagi pegawai. Memanglah, pegawai yang banyak mestilah menjadi satu syarat untuk hendak menjayakan kehendak-kehendak kita. Dalam

kita beri training kepada pegawai-pegawai ini, dari segi rohani pun kena ambil berat. Tidak memadai dengan dia bijak dari segi fizikal tetapi kalau rohani dia lemah, tidak jadi. Sebab rasuah ini kira duit, bukan kira duit sahaja ada lagi kiranya. Ada satu benda lagi saya tidak mahu sebutkan di sini. Kalau rohani dia tidak kuat atau elok dia pun terpelanting, hendak tangkap orang buat rasuah dia pula maka rasuah nanti. Oleh kerana itu, saya syorkan supaya Biro Siasatan Negara ini dijadikan satu badan yang mempunyai kebebasan yang tidak gaduh dan tidak perlu menunggu green light untuk bertindak sesuatu daripada mana-mana pihak yang keduanya cukup tenaganya dan kalau tidak cukup 100 kita cari 200, kalau tidak cukup 200 kita cari 1,000 sebab ini penyakit chronic.

Yang ketiga, alat-alatnya cukup.

Yang keempat, kuasa-kuasa yang luas, boleh ditangkap siapa sahaja, yang besar-besar pun, bapak orang, bapak buaya pun boleh. Ini yang susah saya dengar yang kecil-kecil, rasuah yang 10 sen, 20 sen yang kena, manakala yang sejuta, dua juta atau tiga juta itu lepas, free sahaja. Saya harap sangatlah kita susun Biro Narkotik Negara ini

Tuan Pengerusi: Biro Narkotikkah atau apa?

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Biro Siasatan Negara. Biro Narkotik sekarang di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, tinggal ini sahaja. Tuan Pengerusi, habislah fasal Maksud B. 48 ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat ada dua minit lagi.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Sedikit sahaja lagi, Tuan Pengerusi. B. 49 ini, Aktiviti (3) Pesaka. Saya sendiri agak-agak sudah 1½ tahun lamanya ada orang tua tinggalkan harta sedikit. Oleh kerana harta itu sedikit tetapi harganya terlampau mahal sekarang ini. Saya rasa tidak cukup kita peruntukan harga pesaka \$50,000 mesti diselesaikan menerusi mahkamah. Pada masa dahulu \$25,000 kemudian dinaikkan \$50,000. Sekarang ini saya rasa kita kena pinda sedikit menjadi \$100,000 untuk menyenangkan orang-orang miskin di kampung-kampung sebab masalah pesaka ini pun

masalah penyakit jugalah bagi orang-orang kampung yang terpaksa menunggu lama, yang terpaksa berjumpa lawyer begitu dan begitu dan benda itu boleh diselesaikan di Pejabat Tanah. Oleh kerana itu saya meminta dan merayulah kepada Yang Berhormat Menteri Undang-undang membawa satu lagi Rang Undang-undang Pindaan di dalam Dewan ini supaya kita naikkan angka itu kepada \$100,000.

4.00 ptg.

Tuan Ismail bin Arshad (Jerai): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh dalam Maksud B. 49, Butiran 1100, Aktiviti (3) iaitu mengenai Pesaka. Saya sukacita mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian Undang-undang yang mana nampaknya memberi perhatian juga dalam perkara ini.

Di dalam Anggaran bagi tahun 1979 nampaknya ada bertambah daripada 130 kepada 133 orang pegawai, bererti alhamdulillah bertambah 3 orang pegawai. Walaupun kita ragu-ragu dengan penambahan tiga orang pegawai ini apakah yang dapat diselesaikan masalah-masalah bebanan pesaka, kerja-kerja penyelesaian harta pesaka seperti mana yang tercatat di dalam Buku Anggaran Belanjawan 1979 muka surat 591 di mana anggaran kerja-kerja bagi tahun 1979 yang dijangka diterima sebanyak 1,000 kes, dijangka selesai tahun 1979 hanya 600 kes sedangkan baki dibawa ke hadapan daripada tahun 1978 3,128 yang mana dicampur dan ditolak dengan penyelesaian yang akan dibawa pula kepada tahun 1980 berbaki 3,528 kes. Jadi dengan keadaan ini menimbulkan keraguan bagi diri saya sendiri dan kemungkinan orang-orang yang menyedari di atas keadaan bebanan-bebanan dan masalah-masalah penyelesaian di dalam kerja-kerja yang seumpama ini.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Saya ingin menyentuh tentang apa yang telah diucapkan oleh Yang Berhormat Menteri Undang-undang pada hari semalam bahawa di dalam Akta Pembahagian Harta Pesaka Kecil 1955 telah dibuat pindaan baru-baru ini yang mana telahpun ditambahkan nilai daripada \$25,000 kepada \$50,000 dapat diselesaikan menerusi Pejabat Tanah di Daerah-daerah. Tetapi inilah yang saya kata-

kan tadi bahawa keyakinan kita atau keraguan yang ditimbulkan di sini ini menurut apa yang saya ketahui di negeri Kedah walaupun Akta atau pindaan ini telah dibuat begitu lama sehingga sekarang ini beberapa kes yang telah kita bawa ke Pejabat Pemegang Amanah Raya untuk diselesaikan di peringkat Negeri, disuruh balik kepada peringkat daerah, dan bila datang ke peringkat daerah, jawapannya Pejabat Daerah menerusi Ketua Pejabat Tanah tidak dapat dilaksanakan, kerana sehingga hari ini belum lagi menerima arahan ataupun apa-apa gazet yang berhubung dengan kes ini. Jadi beberapa kes telah tidak dapat dijalankan, ini terutama sekali di dalam kawasan saya. Saya sendiri boleh membuktikan beberapa kes yang telah kita bawa tetapi tidak boleh hendak dijalankan, kononnya tidak ada arahan ataupun tidak mendapat satu warta yang berhubung dengan kelulusan pindaan di dalam Akta ini.

Selain daripada itu di dalam negeri Kedah bukanlah satu negeri yang kecil macamanegara negeri Perlis, dan sudah tentulah kes-kes penyelesaian harta pesaka kecil ini begitu banyak. Apa yang saya ketahui sekarang ini pihak Pemegang Amanah Raya melantik dua orang Pegawai Penyelesaian Harta Pesaka kecil ini. Di dalam negeri Kedah hanya dilantik dua orang, seorang di utara dan seorang di selatan. Ketua Pejabat Tanah hanya menerima permohonan-permohonan bagi menyelesaikan harta pesaka kecil dan bagi pertimbangan dan penyelesaian seterusnya akan dibuat oleh pegawai ini. Cubalah kita fikirkan apakah yang dapat dilakukan oleh dua orang pegawai di dalam sebuah negeri untuk hendak menyelesaikan begini banyak kes-kes dan sudah tentulah dengan keadaan ini akan membebankan lagi kerja-kerja ini, kerana apabila pegawai ini cuti misalnya, kes-kes ini tidak dapat dijalankan, penyelesaian tidak dapat diselesaikan dan kadang-kala dengan kerana terlampau banyak kes apabila terdapat pula kes-kes yang begitu rumit dengan hubungan-hubungannya, sudah tentulah perkara ini akan memakan masa dan berlanjutan. Terdapat satu kes di kawasan saya itu sudahpun bertahun-tahun dan sekarang ini waris-waris yang sepatutnya akan dikaitkan dalam penyelesaian harta pesaka ini telah meningkat hampir 300 orang dan sudah berselerak di seluruh negeri, kerana kelambatan penyelesaian di dalam hubungan seumpama ini.

Tuan Pengerusi, saya sukalah mencadangkan supaya perkara ini akan mendapat perhatian yang sesungguhnya oleh pihak Kementerian Undang-undang dan di dalam perkara Pemegang Amanah Raya dan Pentadbiran Harta Pesaka ini supaya dengan ini dilantik ataupun ditambahkan lebih banyak pegawai-pegawai yang terlatih bagi dapat menyelesaikan seberapa cepat yang boleh di atas kes-kes yang semakin bertimbun-timbun dan semakin datang sepertimana yang saya katakan tadi. Mengikut rujukan Buku Anggaran Belanjawan, 1979 kes yang bertambah semakin banyak, penyelesaiannya sedikit dan apa lagi pula bila dibawa ke tahun 1980 dan tahun 1980 juga akan datang lagi kes-kes yang bertimbun-timbun. Jadi inilah harapan kita dan inilah perkara yang sentiasa dirungutkan oleh masyarakat ataupun rakyat jelata dari kampung-kampung, kerana masalah yang seumpama ini memberikan beban dan memberikan masalah sosial di dalam pemilikan ataupun perebutan harta-harta pesaka ini.

Satu perkara lagi saya ingin menyentuh di dalam Maksud B. 48, Butiran 1100, Aktiviti (6) iaitu Biro Siasatan Negara.

Di dalam perkara ini, saya juga mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian ini, kerana telah memberikan perhatian dan di dalam ucapan Yang Berhormat Menteri pada hari semalam juga telah menekankan bahawa pihak Biro Siasatan Negara ini akan lebih memperluaskan lagi kegiatan dan tindak-tanduknya di dalam pelaksanaan matlamat di dalam Biro ini. Tetapi penambahan pegawai pada tahun ini nampaknya kemungkinan juga tidak dapat menyelesaikan lebih banyak kejadian-kejadian jenayah ataupun kejadian penyalahgunaan kuasa dan rasuah di mana perkara ini boleh dikatakan lumrah terjadi dan sepertimana kata Ahli Yang Berhormat dari Kota Star tadi, oleh kerana keadaan manusia begitu dan kalau sekiranya ada pemberian, sudah tentulah pemberian itu akan diterima. Apa yang saya hendak bangkitkan di sini ialah tentang laporan pada tahun 1977 terdapat sebanyak 6,910 maklumat yang disampaikan oleh orang ramai tetapi penyiasatan hanya dapat dilakukan sebanyak 924 kes sahaja. Ini menunjukkan bahawa sedikit sangat peratusnya dapat diambil tindakan daripada keadaan-keadaan yang timbul di dalam perkara ini.

Saya sendiri telah mendapat rungutan-rungutan daripada pihak-pihak yang terlibat dalam kes-kes yang seumpama ini di mana apabila mereka ini membawa maklumat-maklumat kepada pihak-pihak Biro Siasatan Negara ini, tetapi apa yang dijawab oleh Biro ini mengatakan mereka terlampau banyak kes dan minta maaf, tunggulah, perlahan-lahan kita akan jalankan, kerana pegawai-pegawai yang tidak mencukupi dan kes-kes yang semakin berlaku dan tidak dapatlah perkara ini diambil sebarang tindakan.

Dengan itu secara tidak langsung telah memberi galakan atau memberi peluang yang sebegitu luas dalam keadaan rasuah atau penyalahgunaan kuasa ini berlaku dan terus berlaku. Saya harap pihak Kementerian ini jangan sahaja mengemukakan di dalam Dewan ini bahawa pihak Kerajaan dan pihak Kementerian khususnya Biro Siasatan Negara ini akan mengambil perhatian, tetapi apa yang timbul setelah perkara-perkara ini dibangkitkan dalam suratkhabar atau sebagainya, barulah tindakan-tindakan akan berikutan.

Sebenarnya kalau sekiranya matlamat Kerajaan untuk hendak membasmi ataupun mencegah penyalahgunaan kuasa ataupun rasuah ini dengan lebih berkesan lagi, biarlah kita mempunyai pegawai-pegawai yang cukup dan bukan menunggu maklumat-maklumat sahaja daripada orang ramai tetapi dengan adanya pegawai-pegawai yang sentiasa berkeliaran ataupun mengambil perhatian di dalam kegiatan untuk hendak membenteraskan penyalahgunaan kuasa dan rasuah ini, kemungkinan dengan sendirinya walaupun tindakan tidak diambil, orang ramai ataupun pihak-pihak yang tertentu yang terlibat dalam penyalahgunaan kuasa atau rasuah ini dengan sendirinya akan berasa tawar hati ataupun takut untuk melakukan kegiatan-kegiatan ini.

Itulah sahaja, Tuan Pengerusi, apa yang saya harap supaya menerusi Dewan yang mulia ini apa yang dijanjikan oleh pihak Kerajaan dan pihak Kementerian ini akan terlaksana dan betul-betul mengikut apa yang dirancangkan itu.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat dari Pagoh.

4.12 ptg.

Tuan Muhiyuddin bin Haji Mohamed Yassin (Pagoh): Tuan Pengerusi, saya juga turut bersama-sama dengan rakan-rakan saya Ahli Yang Berhormat berdiri untuk memberikan serba sedikit pandangan berhubung dengan Anggaran Belanjawan bagi Kementerian Undang-undang. Sebagaimana yang kita ketahui tujuan utama Kementerian ini adalah untuk menjaga keutuhan dan kedaulatan semua Undang-undang Negara di samping menentukan bahawa Undang-undang tersebut dilaksanakan dengan adil dan saksama sesuai dengan Perlembagaan dan juga sistem demokrasi berparlimen.

Saya suka menyentuh Maksud B. 48, Kod 1100, Aktiviti (6) berhubung dengan kegiatan Biro Siasatan Negara di mana sejumlah \$9,950,200 adalah dianggarkan sebagai perbelanjaan bagi tahun 1979. Daripada peruntukan yang dimohon bagi tahun 1979, saya percaya adalah sebahagian besarnya daripada Kementerian Undang-undang ini 50% daripadanya adalah ditujukan untuk memperkemas, menggiat dan juga membesarkan rancangan-rancangan yang akan diambil ataupun dijalankan oleh Biro Siasatan Negara.

Sebagaimana yang kita ketahui mengikut maksud Kerajaan yang bersih dan tidak korap sebagaimana yang dihasratkan oleh Kerajaan kita sekarang ini, peranan Biro Siasatan Negara semakin lama semakin penting dan mustahak dan kita ketahui dan sedar bahawa setakat ini Biro Siasatan Negara telahpun memberikan sumbangan yang bererti dalam usaha-usaha untuk membenteras segala kegiatan-kegiatan rasuah samada rasuah itu berlaku di kalangan sektor awam mahupun sektor-sektor swasta dan juga soal untuk mencegah ataupun membenteras segala usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggung-jawab bagi menyalahgunakan kuasa yang diberi kepada mereka terutama di kalangan sebahagian kecil kakitangan-kakitangan Kerajaan.

Oleh yang demikian, saya percaya fungsi, peranan dan juga tanggungjawab yang harus dimainkan oleh Biro Siasatan Negara semakin lama adalah semakin penting. Oleh yang demikian, perlu dan mustahaklah Biro ini sentiasa mengkaji tindakan, rancangan dan juga strategi-strategi yang lebih berkesan bagi menentukan segala tindakan-tindakan

yang diambil itu akan menuju kepada matlamat untuk mengurangkan rasuah dan juga untuk mengurangkan masalah penyalahgunaan kuasa.

Sebagaimana yang kita sedar dan Kerajaan juga sedar bahawa pengharapan (expectation) rakyat kepada Kerajaan Barisan Nasional yang telahpun diberi mandat untuk memerintah negeri ini adalah begitu tinggi dan lebih tinggi lagi harapan mereka supaya segala usaha-usaha penyelewengan samada dalam bentuk rasuah ataupun penyalahgunaan kuasa hendaklah dihapuskan seberapa yang boleh. Oleh yang demikian, saya percaya untuk menuju kepada matlamat memberi kesan yang lebih, cara-cara penerima aduan-aduan untuk tindakan Biro Siasatan Negara hendaklah digubal supaya satu sistem, satu cara yang lebih berkesan dapat diambil oleh pihak Biro ini untuk tindakan-tindakan mereka.

Di sini saya maksudkan sehingga ini belum ada satu peraturan ataupun format (borang) dan seumpama yang ditentu ataupun diedarkan oleh Biro ini supaya boleh digunakan oleh rakyat keseluruhannya dan saya percaya sekiranya satu bentuk format aduan, (bukan dalam bentuk surat-surat biasa, lebih-lebih lagi surat-surat layang) dapat digubal dan dibentuk oleh Biro Siasatan Negara sebagaimana juga contoh borang Biro Pengaduan Awam, malahan mungkin lebih intensif dan lebih detail lagi, maka saya percaya tidaklah timbul masalah kelambatan dari segi menjalankan tindakan-tindakan penyelidikan dan sebagainya. Saya cadangkan supaya Biro Siasatan Negara memikirkan cara-cara untuk menyusun dan membentuk satu format aduan yang boleh digunakan oleh orang ramai bagi menyampaikan maklumat-maklumat berkaitan dengan kegiatan Biro Siasatan Negara.

Seperkara lagi, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Biro Siasatan Negara ialah sebagaimana kita ketahui dengan tindakan dan usaha yang berkesan yang sudah diambil oleh Biro ini maka orang ramai sudah sedar di atas bahaya dan juga di atas kepincangan yang akan berlaku kepada masyarakat sekiranya penyakit rasuah dan penyalahgunaan kuasa ini berleluasa di dalam masyarakat kita.

Saya percaya bukanlah menjadi matlamat Biro Siasatan Negara untuk mengatakan bahawa walaupun sebahagian besar peruntukan dimohon bagi anggaran tahun 1979 tidak bermakna bahawa penyakit rasuah menjadi-jadi ataupun menular, bahkan tujuan utamanya, saya percaya adalah untuk menimbulkan (exposed) mana-mana kegiatan yang dahulunya tidak disedari supaya dengan jalan ini rasuah sebagaimana yang dikatakan oleh sebahagian daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti Pembangkang ini dapat diatasi dan juga dibentasi.

Di dalam hal ini dalam segi memperluaskan dan juga memberi maklumat kepada orang ramai tentang peranan yang dimainkan oleh Biro Siasatan Negara saya percaya Biro ini haruslah menjalankan satu Kempen Kesedaran walaupun saya percaya sudahpun dijalankan dalam masa-masa yang lalu tetapi tidak begitu intensif. Saya percaya dengan kempen kesedaran juga penerangan yang dibuat mengikut peringkat-peringkat dalam bidang swasta dan juga bidang awam maka saya percaya kesannya akan lebih didapati dan rakyat dan pihak-pihak yang tertentu akan lebih menyedari akan bahaya rasuah dan juga penyalahgunaan kuasa. Dalam hal ini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak Biro Siasatan Negara di atas tindakan-tindakan berkesan yang telah mereka ambil untuk membawa pihak-pihak yang terlibat dengan kegiatan-kegiatan rasuah dan penyalahgunaan kuasa ini ke mahkamah dan hukuman-hukuman telahpun dijatuhkan kepada mereka yang berkenaan.

Di dalam satu aspek sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Undang-undang semalam, iaitu berhubung dengan penyalahgunaan kuasa yang terdapat di sebahagian kecil kakitangan-kakitangan Kerajaan dan juga badan-badan berkanun, saya percaya adalah juga menjadi objektif dan matlamat Kerajaan untuk menghapuskan ataupun untuk mengurangkan masalah penyalahgunaan kuasa, walaupun ada di kalangan kakitangan-kakitangan Kerajaan, agensi-agensi dan badan-badan berkanun sebab sekiranya ini berlaku, maka keyakinan rakyat kepada Kerajaan akan berkurangan. Dalam aspek ini, saya ingin mencadangkan supaya Bahagian Penyelidikan dan juga Bahagian Perancangan Biro Siasatan Negara di dalam hubungannya dengan Jabatan Perkhidmatan Awam dan juga agensi-agensi

Kerajaan membuat kajian di atas aturan-aturan dan Perintah-perintah Am (General Orders) dan juga Perintah-perintah Am Kewangan (Financial General Orders) yang mana mengikat kegiatan dan juga usaha-usaha yang harus dijalankan oleh kakitangan-kakitangan Kerajaan.

Saya percaya mungkin ada di antara kakitangan Kerajaan yang masih belum menyedari di atas maksud dan tekad General Orders dan Financial General Orders ataupun mendapati sebahagian besar daripada peruntukan di dalam chapter Perintah Am dan Perintah Am Kewangan ini tidak begitu bersesuaian dengan keadaan yang ada sekarang. Contohnya, perbadanan-perbadanan awam merupakan satu agensi yang baru ditubuhkan oleh Kerajaan yang bertujuan untuk menentukan matlamat pencapaian 30% ekonomi negara di tangan Bumiputra, tetapi dalam usaha-usaha bahagiannya menjalankan tindakan, apa yang saya ketahui bahawa perbadanan-perbadanan awam dan juga agensi Kerajaan selalunya menimbal (adopt) Perintah-perintah Am dan Perintah-perintah Am Kewangan untuk digunakan di dalam badan-badan berkanun dan agensi-agensi Kerajaan yang kita ketahui objektifnya sama, tetapi usaha-usaha yang mereka jalankan itu berlainan sekali dengan Jabatan-jabatan Kerajaan yang merupakan Jabatan-jabatan Pentadbiran.

Badan-badan berkanun adalah merupakan agensi ekonomi Kerajaan dan justeru itu Perintah-perintah Am tidak begitu menepati tindak langkah dan usaha-usaha yang harus dibuat oleh kakitangan-kakitangan di dalam agensi-agensi tersebut. Dengan sebab itu timbul salah faham dan mungkin dengan sebab salah faham itu timbul "penyalahgunaan kuasa" dan mungkin pegawai-pegawai yang terlibat itu terpaksa diambil tindakan-tindakan disiplin walaupun mengikut keadaan bidang kuasa dan juga keadaan di mana mereka bekerja sepatutnya tindakan-tindakan ini tidak perlu diambil. Jadi, saya ingin mencadangkan

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Satu minit sahaja lagi.

Tuan Muhiyuddin bin Haji Mohamed Yassin: Saya ingin mencadangkan supaya pihak B.S.N. membuat kajian dan juga mencadangkan kepada pegawai-pegawai yang

tersebut untuk dikaji semula Perintah-perintah Am dan Perintah-perintah Am Ke-wangan.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

4.25 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, yang pertama saya ingin merujuk Maksud B. 48, Butiran 1100—Gaji dan Upahan, Aktiviti (1)—Pentadbiran Am. Atas perhatian ini saya ingin merujuk kepada suatu perkara demi kepentingan orang ramai iaitu bersabit dengan bayaran kemalangan gantirugi atau bayaran pampasan kepada mangsa-mangsa jalanraya.

Di dalam sidang Parlimen tahun yang lepas saya ada membangkitkan soal bagaimana cepatnya Kerajaan patutlah menubuhkan satu Sekim Gantirugi Kemalangan Jalanraya (No-fault Road Accident Compensation Scheme) yang mengikut contoh untuk memberi faedah-faedah kepada mangsa-mangsa kemalangan jalanraya atau waris-waris mereka.

Pada masa itu Yang Berhormat Menteri Undang-undang dalam jawapannya ada memberitahu Dewan ini bahawa Timbalannya yang pada ketika ini menjadi Menteri Besar Negeri Sembilan ada bekerja keras di dalam perkara ini dan pada masa itu sedang menyiapkan satu laporan yang akan dikemukakan kepada Kerajaan atau Kabinet dan apakala laporan itu dapat dipersetujui barulah Kerajaan membuat satu gubalan undang-undang dan cara-cara bagaimana hendak melaksanakan.

Tuan Pengerusi, memandang kepada kenyataan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Menteri Undang-undang pada masa itu dan memandang bahawa tempoh satu tahun sudah lepas sejak perkara itu dibangkitkan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberitahu kepada Dewan ini apakah kedudukan mengenai perkara ini.

Izinkan saya menegaskan di sini bahawa Kementerian patut memberi keutamaan kepada perkara ini dan mengemukakan syorsyornya kepada Kerajaan dengan secepat mungkin dan juga saya berharap Jumaah Menteri atau Kabinet akan dapat memberi

kelulusan supaya satu undang-undang dapat digubal dan dikuatkuasa di mana semua mangsa-mangsa kemalangan jalanraya dapat menikmati sekim pampasan ini dan dapat menerima bayaran pampasan samada mereka melakukan kesalahan atau tidak di dalam kemalangan jalanraya itu. Sekiranya sekim ini dapat dilaksanakan, saya suka mengesyorkan bahawa jumlah bayaran pampasan kepada setiap mangsa kemalangan jalanraya akan dan patut ditentukan oleh satu suruhanjaya yang ditubuhkan di bawah tabung gantirugi itu. Dengan cara ini mangsa kemalangan jalanraya dapat menerima bayaran pampasan dengan secepatnya tanpa dihadapkan kepada mahkamah yang biasanya merupakan satu proses yang amat lama dan juga satu proses yang amat mahal apabila kes ini disampaikan kepada mahkamah dan tidak menguntungkan mangsa kemalangan jalanraya itu.

Sekim ini apabila dilaksanakan akan dapat meringankan juga beban mahkamah kita yang penuh sesak dengan kes-kes dan juga menentukan bahawa orang-orang yang terlibat akan diberi wang pampasan dengan secara adil.

Pada ketika ini juga banyak kes kemalangan jalanraya telah dibicarakan dalam mahkamah-mahkamah di mana kemalangan-kemalangan tersebut telah berlaku beberapa bulan dan tahun yang lepas dan oleh sebab kelambatan ini boleh melemahkan kes-kes mereka. Keputusan kes-kes mereka mungkin tidak membawa keadilan kepada mangsa-mangsa kemalangan jalanraya kerana kesilapan teknikal dan lain-lainnya. Ini ada berlaku pada masa yang lepas.

Tuan Pengerusi, lebih kurang 45% kes kemalangan jalanraya yang disampaikan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah ditolak atas alasan-alasan kesilapan teknikal. Oleh kerana kadar kemalangan jalanraya di Malaysia adalah satu daripada yang tertinggi di dunia ini, iaitu satu kematian bagi tiap-tiap 500 buah kenderaan, saya harap bahawa Kerajaan tidak melengahkan hal ini tetapi sebaliknya patut menubuhkan satu sekim dan tabung pampasan kemalangan jalanraya seberapa cepat yang mungkin.

Atas perkara yang sama Aktiviti (1)—Pentadbiran Am, saya ingin menggesa Kementerian yang berkenaan mengkaji kemungkinan supaya mengadakan sebuah

Mahkamah Appellate atau Appellate Court di negara kita untuk mendengar dan menghakimkan rayuan-rayuan dari mahkamah-mahkamah di Persekutuan mengenai kes-kes jenayah dan Perlembagaan. Rakyat di negara ini berpendapat bahawa penubuhan sebuah Mahkamah Appellate adalah perlu memandangkan bahawa mulai tahun ini, iaitu 1hb Januari, 1978, rayuan-rayuan ulang bicara kes-kes jenayah dan Perlembagaan ke Privy Council telah dibatalkan. Demi kepentingan keadilan di negara kita, saya harap Kementerian yang berkenaan dapat menimbang-kan syor ini supaya mengadakan satu Mahkamah Appellate negara kita.

Akhirnya, saya ingin menyentuh Aktiviti (6)—Biro Siasatan Negara. Yang Berhormat Menteri ada menyatakan semalam bahawa lebih kurang 100 lagi pegawai akan diambil oleh B.S.N. dalam masa 10 minggu lagi memandangkan bahawa beban kerja B.S.N. telah bertambah dan kecekapannya perlu diperbaiki lagi.

Memandangkan bahawa B.S.N. dikehendaki untuk memainkan peranan yang penting di negara kita untuk menghapuskan rasuah, saya berpendapat pengambilan ini tidak cukup dan patut ditambah dua kali ganda supaya B.S.N. dapat dilengkapi dengan tenaga dan kuasa yang cukup untuk memerangi dan menghapuskan masalah rasuah di negara kita.

Untuk membolehkan B.S.N. bergerak dengan lebih cekap dan berkesan, saya berpendapat bahawa B.S.N. mesti mengkaji semula Undang-undang dan Peraturan-peraturannya supaya pindaan yang sesuai dan wajar dapat diluluskan dengan tujuan menambah kecekapannya untuk bertindak kepada sesiapa yang disiasat tidak kira pangkat ataupun jawatannya di masyarakat kita.

Sebagai satu langkah untuk membantu B.S.N. untuk bergerak dengan berhasil dalam tugasnya menghapuskan rasuah di kalangan kakitangan-kakitangan awam, saya suka mengesyorkan bahawa B.S.N. patut mengadakan landasan operasi di Jabatan-jabatan Kerajaan yang sentiasa dilawati oleh orang ramai mengenai masalah perumahan atau masalah tanah. Misalnya, Jabatan Perumahan atau Ibu Pejabat Tanah supaya pegawai-pegawai B.S.N. yang dihantar di situ dapat membantu menghapuskan apa-apa kegiatan rasuah yang ada.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kangar.

4.32 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, B. 48, muka surat 385, saya bercakap berkenaan dengan perkhidmatan pendakwa.

Tuan Pengerusi, saya berpendapat dan saya dapati banyak kes-kes yang tidak selesai dibicarakan atau dibawa oleh pihak Pendakwa Raya, dengan sebab itu saya berharap kes-kes ini patut disegerakan, kerana kalau dalam satu-satu kes itu yang boleh dijamin, walaupun lama tidak dibicarakan, tetapi ada kes-kes yang tidak boleh dijamin, dan menyiksa sangat pihak yang berkenaan yang sekian lama terpaksa duduk dalam lock-up. Saya berharap perkara yang saya cakap ini patutlah diikhtiarkan, apatah lagi kes-kes yang tidak boleh dijamin.

Tuan Pengerusi, kepada saksi-saksi yang datang ke Mahkamah, mereka diberi seorang \$3 bagi sekali bicara sebagai saksi. Ini tidaklah begitu sesuai dengan zaman lagi. Kalau gaji sekarang ini telah dinaikkan begitu tinggi, maka bayaran kepada saksi-saksi ini hendaklah dinaikkan. Bayaran \$3 ini dibuat 20 tahun dahulu. Keadaan ini patutlah diubah mengikut keadaan masa.

Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap berkenaan dengan B. 48 berhubung dengan Biro Siasatan Negara. Sebagaimana dikatakan oleh saudara-saudara saya, saya bersetuju bahawa B.S.N. ialah sebagai Biro pembersihan, kalau diibaratkan sebagai pakaian, sebagai sabun yang membersihkan tempat yang kotor. Banyak peranannya. Peranannya dalam pejabat dan dalam mengamankan negara dan mengamankan tanahair, menjaga kedudukan suasana negara dan masyarakat. Saya katakan dahulu menjaga suasana negara dan masyarakat, katalah hari ini, kita bercakap dalam Dewan ini berkenaan dengan peruntukan Kementerian Dalam Negeri, berkenaan dengan pendatang haram yang masuk ke negeri kita lebih daripada 40,000 orang.

Tuan Pengerusi, saya biasa dengar apa yang dikatakan oleh orang kampung bahawa pencuri itu tidak akan dapat masuk sesuatu kampung, kalau tidak ada hantu atau kawannya yang sama sebatu dengan pencuri yang ada dalam kampung itu. Saya berpendapat

dan saya yakin masakan pendatang haram itu akan beria-ia datang ke Malaysia dengan berbagai-bagai cara jalan dan helah, kadang-kadang boleh dinaiki kalau tidak ada rakyat Malaysia sendiri yang menjadi talibarut menyambut mereka dengan sulit dan sebagainya. Maka ini juga saya berharap kepada B.S.N. menjalankan siasatan, siapakah yang memainkan peranan itu, tentu ada. Saya tegas. Seperti saya kata tadi mereka tak akan dapat masuk dalam kampung, melainkan ada hantu dalam kampung itu. Askar-askar tidak akan dapat memerangi satu-satu negara, satu-satu musuh, melainkan dihantar sepainya dahulu bagaimana keadaan di tempat itu. Ini pun ada sepai dalam negara kita, boleh jadi rakyat negara kita. Ini adalah satu musuh yang besar kepada negara. Oleh sebab itu, saya berharap B.S.N. akan menyiasat perkara yang saya katakan tadi. Saya tegaskan bahawa pendatang haram ini tidak akan masuk melainkan ada orang yang menjadi talibarut, bukan semua, ada orang. Ini menjadi masalah besar kepada negara. Kita bukanlah benci tetapi sebelum kita jaga orang lain, kita kena jaga diri kita dahulu, keluarga kita dahulu sedangkan dalam tanah-air kita tidak terkawal suasana apa yang ada pada kita, inikan pula masuknya pendatang haram itu. Boleh jadi menjadi kebaikan kepada satu orang dan menjadi kejahatan kepada orang lain. Dengan masuknya pendatang haram ini, ada orang-orang yang mengambil kesempatan dari segi politik dan sebagainya dan ada dari segi-segi yang lain. Saya berharap pihak B.S.N. akan mengawasi perkara ini.

Tuan Pengerusi, dari segi B.S.N. juga, saya bersetuju orang yang tidak bekerja mengambil duit ini, patutlah kita denda. Tetapi kalau ambil wang sahaja, kita hendak denda dengan tidak menjalankan kerja, ini juga tidak adil. Saya takut dengan diberi wang—ada juga yang terima wang, itu saya tidak boleh nafikan—ada, tetapi saya takut dengan meletakkan wang di atas meja, kadang-kadang pergi bumbuh dalam poket, kemudian datang pula B.S.N., kena tangkap—wang sudah ada dalam poketnya. Cara ini, saya cukup takut. Biasanya terkena tetapi bukan 100%. Dalam 100 kadang-kadang setakat 30 terkena dan terpedaya. Kalau ada satu orang itu sakit hati kepada satu orang lain, tuduh pergi ambil begnya disebabkan sakit hati. Cara ini saya menentang, tetapi saya harap awasilah betul-betul, awasilah tiap-tiap

pejabat, seolah-olah B.S.N. sendiri hantu dalam pejabat itu. Dia sendiri memainkan peranan. Misalnya pegawai B.S.N. Perlis, dia pergi ke Kedah, pergi ke Pulau Pinang, orang tidak tahu yang dia itu pegawai B.S.N. Jadi kalau orang sudah tahu, ini bukan caranya. Hendak menangkap seseorang itu, mestilah orang tidak tahu siapa dia, baharulah dia boleh berjaya menjalankan tugas itu. Seseorang pegawai yang menerima gaji \$1,000 misalnya, tidak menjalankan tugasnya, maka ini adalah salah, dari segi Undang-undang dan pada segi hukum. Patut B.S.N. hantar wakil dan siasat. Ini saya rasa lebih berkesan. Bukan saya tuduh semua pegawai tidak baik, ada di antara pegawai-pegawai bukan setakat sahaja buat bekerja sampai pukul 6.00 petang tetapi ada juga yang membawa balik kerja-kerjanya di rumah. Saya biasa tengok ada pegawai yang semacam ini. Kita ucapkan syabas. Walaupun begitu, ada juga pegawai yang sebok dengan talipon dan duduk di kantin. Kita pun hairan juga. Ini bukan semua. Saya tidak tuduh kesemuanya tetapi ada setengah-setengahnya. Ini boleh mengakibatkan setengah kerja kita tidak beres dan tidak selesai, jadi saya harap pihak Kementerian yang berkenaan atau pihak B.S.N. mengambil tindakan sebagaimana saya katakan tadi.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh B. 48, Butiran 1100, Aktiviti (5)—Perkhidmatan Bantuan Guaman. Saya ucapkan terima kasih kerana Kerajaan meluaskan bantuan guaman dan saya harap, kalau boleh samada jenayah atau tidak apa kes sekali pun, berilah bantuan guaman, syarat orang yang teraniaya itu ataupun tersalah, belum bicara ke Mahkamah, kita tidak tahu dia salah atau tidak, tetapi ditangkap dahulu.

Orang yang terkena tangkap tadi asalkan dia orang yang susah, berpendapat tidak ada, bagilah bantuan Guaman walau apa kes sekali pun. Kadang-kadang ada kes yang dibuat itu bukan nanti kes nikah kahwin, kes lain pun ada kadang-kadang tak tentu salah lagi. Tetapi malangnya dia hendak ambil peguam tidak ada wang. Oleh itu hendaklah diumumkan semua kes kalau didapati orang itu susah apatah lagi kadang-kadang terkena kepada anaknya, bapanya hendak kena cari wang terpaksa jual bendang dan sebagainya untuk hendak dibelanya itu. Kalau tidak bela anaknya juga akan menjadi mangsa, belum tahu lagi samada salah atau tidak kerana

belum lagi dibawa ke mahkamah. Sebab itu saya harap sangatlah perkara ini patut diambil tindakan, patut diluaskan kepada semua kes khasnya kepada orang yang susah,

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara saya hendak bercakap. Di Perlis ada cawangan kata Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Saya ucapkan terima kasih. Kalau boleh masa perbicaraan dijalankan, misalnya kes yang berhubung dengan syariat nikah cerai, alangkah baiknya orang yang akan menjadi peguam itu ialah Bumiputra ataupun yang beragama Islam. Saya bukan kata orang yang tidak beragama Islam itu tidak pandai, dari segi undang-undang tidak kira agama, dia belajar undang-undang dia tahu. Tetapi lebih baik dia beragama, dia berbicara dari hati, dari mulut dan dari fikirannya kerana dia pun seagama dengan orang yang menghadapi kes itu. Seperti kita kata di Perlis, kes yang banyak orang ambil peguam ialah kes nikah cerai, seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani tadi. Kalau orang yang menjadi peguam itu bukan orang Islam, walaupun dia pandai dari segi undang-undang, saya tidak menafikan tetapi bukan dia bercakap dari jiwanya kerana dia tidak percaya apa yang dia cakapkan, cuma dari segi undang-undang sahaja. Sebab itu, sebolehnya kes-kes yang banyak seperti ini hantarkan peguam. Kalau kes semacam ini lebih baik orang Islam yang menjadi peguamnya.

Tuan Pengerusi, saya bersetuju mengenai perkara di bawah Aktiviti (3). Ada kemalangan-kemalangan jalanraya banyak orang ditipu oleh pihak insuran dan yang sedihnya kadang-kadang ada kerjasama daripada setengah-setengah loyar. Perkara ia telah berlaku di Perlis, satu kes accident yang putus sebelah kaki, seharusnya dia akan dapat berbelas ribu ringgit. Tetapi pihak insuran kata kepadanya: awak tidak payah bawa kes ini ke mahkamah. Ada pula orang lain yang mengakui sebagai peguam berkata boleh tidak payah bawa kalau dibawa pun harus tidak akan dapat wang. Dengan sebab itu dia pun tandatangan sahaja begitu dan dapat sedikit wang. Tetapi kalau kes macam ini dibawa dengan kerjasama pihak Peguam atau Pendakwa, saya yakin orang yang mendapat kemalangan itu akan dapat banyak lagi wang. Saya berharaplah kes seperti yang telah betul-betul berlaku di dua tempat di negeri saya maka bolehlah Yang Berhormat

Menteri sendiri, kalau boleh kita bincangkan di luar bersama dengan seorang lagi sebagai wakil, kita ceritakan apa yang sebenar berlaku supaya perkara ini jangan berlaku kepada orang lain di negeri-negeri lain.

Tuan Pengerusi, sedikit sahaja lagi. Maksud B. 49—Pesaka. Saya bersetuju dengan ini. Kasihan, yang seribu ringgit, dua ribu ringgit sampai bertahun-tahun tidak selesai, tidak dapat wang. Paling sedih di Perlis; betullah seperti kata wakil dari Jerai tadi negeri kecil tetapi walaupun kecil negeri juga, Rajanya biasa menjadi Yang di-Pertuan Agong yang ketiga. Walau macammanapun itu tidak menjadi apa-apa. Kita bincangkan sekarang tentang pesaka di bawah Aktiviti (3) tadi patutlah dicepatkan dan carilah jalan. Pegawai pun tidak ada di Perlis. Kalau saya tidak silap semua kes kena dibicarakan di Kedah. Ini sungguh sedih. Walaupun kes itu sedikit kena diambil oleh Kedah kadang-kadang sampai bertahun-tahun. Tuan Pengerusi, masalah manusia tidak sama. Masalah orang miskin beri dia wang seribu ringgit cukup banyak dan cukup besar. Tetapi boleh jadi masalah orang-orang yang berpendapatan \$5,000 sebulan \$1,000 tidak ada masalah baginya. Sebab itu saya berharaplah kepada Yang Berhormat Menteri yang saya percaya seorang yang penuh dengan perikemanusiaan dan bijaksana perkara ini hendaklah dipercepatkan supaya orang-orang tidak menjadi mangsa khasnya penduduk-penduduk yang mempunyai pesaka yang terlampau sedikit ini hendaklah dipercepatkan. Saya berharap Kementerian yang berkenaan khasnya kepada Yang Berhormat Menteri dan Timbalannya akan berikhtiar moga-moga menjadi satu nikmat dan kebaikan mendapat restu dan pahala daripada Allah s.w.t.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana masa yang dihadkan untuk perbahasan telahpun habis, sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Undang-undang untuk menjawab.

4.47 ptg.

Menteri Undang-undang (Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara berkaitan dengan Kementerian saya. Saya mengambil

peluang di sini untuk memberi jawapan, penjelasan di atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Banyak nampaknya Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan perkara berkaitan dengan perjalanan B.S.N. Sukalah saya menyatakan di sini untuk menjawab Ahli Yang Berhormat dari Menglembu bahawa kedudukannya tidak sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dalam mana beliau mengatakan B.S.N. tidak bebas mengambil tindakan terhadap mengikut kata Ahli Yang Berhormat "naga-naga" "ikan-ikan yu" dan hanya menumpukan perhatian tindakan kepada ikan-ikan bilis sahaja. Kita semua sedia maklum bahawa B.S.N. setakat ini telah berjaya mendedahkan dan mengambil tindakan terhadap mereka dari semua golongan masyarakat di dalam negara kita, tidak kira tinggi rendahnya kedudukan seorang itu dan saya tidak perlu menyebutkan di sini butir-butir kes-kes atau orang-orang yang pernah diambil tindakan oleh B.S.N. tanpa memandang kedudukan atau pangkat mereka. Ini telahpun menjadi satu hakikat dan pengetahuan umum di seluruh negara. Suka saya menyatakan bahawa B.S.N. akan terus mengambil sikap pendirian yang sama pada masa ke hadapan ini. B.S.N. bebas menjalankan siasatan dan mengambil tindakan terhadap siapa jua pun tanpa mengira pangkat dan kedudukan mereka. B.S.N. tidak perlu dan tidak pernah meminta lampu hijau daripada siapa untuk bertindak. Apa yang dihadapi oleh B.S.N. di masa-masa yang lepas dan sekarang dan seterusnya di masa hadapan ialah masalah mendapatkan bukti-bukti mengikut kehendak-kehendak dan lunas-lunas undang-undang mengenai rasuah yang wujud pada hari ini.

Kita semua sedia maklum bahawa perbuatan rasuah oleh seseorang itu adalah satu perbuatan yang penuh dengan rasa dan biasanya dilakukan dengan secara agak sophisticated yang mana sangat sukar bagi mendapatkan bukti-bukti yang mencukupi untuk menghadapkan seseorang itu ke mahkamah. Jadi tanpa bukti-bukti tidak siapa pun yang boleh dihadapkan ke mahkamah. Dalam keadaan ini bukan Ahli Yang Berhormat dari Menglembu itu sahaja yang mungkin tersalah faham malahan mungkin juga pihak umum yang lainnya, oleh kerana

tersalah faham inilah maka Ahli Yang Berhormat itu menuduh B.S.N. itu tidak bebas, B.S.N. memerlukan lampu hijau dan sebagainya.

Ingin saya menegaskan sekali lagi di dalam Dewan yang mulia ini bahawa B.S.N. adalah bebas dan adil menjalankan tugas-tugasnya mengikut kehendak undang-undang yang wujud pada masa-masa sekali pun. Jadi, soal menetapkan B.S.N. supaya bertanggungjawab terus kepada Parlimen sebagaimana yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Menglembu itu adalah sebenarnya tidak timbul kerana masalah pokoknya adalah kesukaran untuk mendapatkan bukti-bukti di dalam apa-apa jua bentuk rasuah yang berlaku, sebagaimana yang saya telah sebutkan tadi. Apa yang kita semua perlu fikirkan ialah mengenai soal menanam semangat dan kesedaran di kalangan rakyat supaya membenci sebarang perbuatan rasuah demi menerbitkan rasa tanggungjawab supaya semua orang boleh bekerjasama dan membantu B.S.N. di dalam usahanya membentaras rasuah di dalam negara ini.

Menyentuh tentang kekurangan kakitangan pula, sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, memang benar bahawa pengambilan lebih kurang 100 orang pegawai baru B.S.N. yang akan selesai dibuat tidak lama lagi adalah untuk mengisi perjawatan yang kosong sejak tahun lalu iaitu tahun 1977. Kelewatan mengisi kekosongan ini bukannya B.S.N. ini dianaktirikan oleh Kerajaan sebagaimana anggapan Ahli Yang Berhormat dari Menglembu itu, sebenarnya pengambilan pegawai-pegawai baru dalam B.S.N. bukannya satu exercise sekadar hendak mengisi kekosongan sahaja, tetapi satu exercise untuk mencari calon-calon yang berkaliber dan sesuai dengan kehendak tugas B.S.N. yang sentiasa memerlukan semangat dan dedikasi yang tinggi di dalam menjalankan kerja-kerja yang rumit dan yang saya katakan tadi sophisticated itu. Sudah tentulah usaha mencari calon-calon yang berkaliber ini tidak boleh dibuat dengan secara terburu-buru sahaja.

Seperkara lagi yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Menglembu ialah meminta B.S.N. menyasat pegawai-pegawai R.I.M.V. yang ramai meletakkan jawatan baru-baru ini. Suka saya menegaskan di sini bahawa sebenarnya perkara ini adalah

sentiasa berada di dalam pengetahuan B.S.N. dan B.S.N. sendiri adalah bertanggungjawab sebanyak sedikit di dalam daya utama yang mengakibatkan pegawai-pegawai berkenaan itu meletakkan jawatan, iaitu dengan membuat perbincangan-perbincangan dengan Ketua Pengarah R.I.M.V. yang dimaksudkan terhadap kes-kes berhubung dengan R.I.M.V yang disiasat oleh pihak B.S.N.

Menyentuh tentang perangkaan maklumat yang dikatakan menunjukkan bahawa rasuah semakin bertambah mengikut anggapan Ahli Yang Berhormat itu, ingin saya menegaskan bahawa sebenarnya perangkaan maklumat mengenai rasuah yang disimpan oleh B.S.N. itu bukanlah merupakan satu ukuran tentang bertambah atau berkurangnya amalan rasuah di dalam negara dan saya memandang bahawa perangkaan-perangkaan ini adalah semata-mata menunjukkan kesedaran dan kerjasama dari orang ramai, malahan juga kepercayaan orang ramai terhadap B.S.N. adalah semakin bertambah. Sebagaimana saya kira ini adalah satu petanda baik di dalam usaha Kerajaan hendak membasmi rasuah di seluruh negara dengan penyertaan daripada orang ramai sendiri.

Mengenai syor Ahli Yang Berhormat dari Menglembu supaya B.S.N. memasang ejen-ejen ataupun hantu-hantu yang diupah dengan bayaran-bayaran saguhati di pejabat-pejabat Kerajaan, saya hairan tentang sikap Ahli Yang Berhormat ini. Ada satu ketika beliau meminta supaya keadilan dijadikan teras di dalam melaksanakan undang-undang hingga beliau mengecam tindakan di bawah Undang-undang ISA terhadap mereka yang memiliki senjata secara haram dan meminta supaya penjenayah-penjenayah itu dianggap sebagai perompak atau penyamun sahaja. Tetapi dalam nafas yang sama beliau mengesyorkan supaya B.S.N. memasang ejen-ejen yang diupah di pejabat-pejabat Kerajaan tanpa memikirkan implikasi dan kemungkinan yang boleh timbul dari perbuatan itu seperti ejen-ejen itu membuat angkara, tuduhan-tuduhan, mengadakan sesuatu dengan menganiaya orang-orang lain supaya mereka mendapat upah atau saguhati. Oleh sebab itu, saya menolak syor sedemikian. Bagaimanapun, suka saya tegaskan di sini bahawa B.S.N. adalah mempunyai cara-caranya sendiri yang tidak boleh saya bocorkan di sini mengikut undang-undang untuk menunaikan tugas dan tanggungjawabnya.

Menyentuh pula tentang syor Ahli Yang Berhormat itu supaya B.S.N. menjadikan maklumat yang ditimbulkan di dalam Dewan ini sebagai asas penyiasatannya dan jangan menanti maklumat secara hitam-putih dan bertandatangan sahaja baru menjalankan siasatan, suka saya mengatakan di sini bahawa sebagai Menteri yang bertanggungjawab dalam B.S.N., saya menerima baik pandangan-pandangan malahan aduan-aduan yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini tentang kemungkinan adanya berlaku perbuatan-perbuatan rasuah bukan sahaja di kalangan Ahli-ahli, Menteri-menteri di sini bahkan yang di luar juga dengan syarat bahawa alasan-alasan itu ada mempunyai asas, bukti, kerana saya tidak mahu berbangkit keadaan dalam mana seorang bangun dalam Dewan ini berlindung di bawah privilege dia sebagai speaker, membuat tuduhan-tuduhan yang liar yang tidak berasas yang semata-mata bertujuan memburukkan imej seseorang dalam Dewan ini. Itu saya tidak bersetuju dan sebagaimana Ahli Yang Berhormat boleh lihat dalam Peraturan Mesyuarat Dewan ini sendiri ada peraturan mengatakan tidak boleh seseorang itu bangun membuat kenyataan-kenyataan yang boleh menjatuhkan nama baik seseorang dalam Dewan ini, kecuali kalau sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat itu mempunyai alasan-alasan, asas-asas yang menasabah dalam mana daripada kenyataan itu, pihak saya, pihak B.S.N. boleh meneruskan penyiasatan.

Saya percaya Ahli Yang Berhormat bersetuju, kalau sekiranya ada laporan yang mempunyai alasan, asas, lebih baik kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat itu berjumpa dengan saya sendiri ataupun Pengarah B.S.N. memberi laporan-laporan terhadap sesuatu tuduhan perbuatan rasuah daripada manamana pihak samada di dalam Dewan ini mahupun di luar Dewan.

Oleh yang demikian, suka saya memperingatkan di sini bahawa sekiranya mana-mana Ahli Yang Berhormat mengetahui satu perkara berhubung dengan rasuah dan benar-benar tahu tentang perkara itu sebagaimana saya kata tadi, saya menyambut baik jika mereka menyentuh perkara itu di dalam Dewan ini. Tetapi apabila pegawai itu disiasat oleh B.S.N., janganlah pula sebagaimana yang telah berlaku pada masa-masa

yang lepas, pihak yang berkenaan itu berundur diri di pertengahan jalan, eloklah diberi bantuan dan kerjasama kepada Pegawai B.S.N. yang menyasat perkara itu. Sebaliknya jika sesuatu perkara itu tidak benar, diketahu, tetapi cuma terbit dari khayalan atau agak-agak sahaja, sebagaimana saya kata tadi eloklah tidak digunakan Dewan ini bagi membuat tuduhan-tuduhan yang melulu yang tidak mempunyai alasan ataupun asas yang menyatakan bahawa pihak-pihak yang berkenaan yang dituduh itu telah melakukan sesuatu kesalahan di bawah Undang-undang Pencegah Rasuah.

Ahli Yang Berhormat juga telah menyetujui perkara tuduhan yang telah dihadapkan oleh pihak-pihak yang tertentu di bawah Undang-undang ISA dan telah berpendapat bahawa ada kes-kes yang telah dihadapkan ke mahkamah dan telah dibicarakan yang sepatutnya di bawah Undang-undang Senjatapi.

Sebagaimana yang saya telah jelaskan dalam jawapan saya terhadap soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini termasuk Ahli Yang Berhormat dari Menglembu, tiap-tiap satu kes itu adalah ditimbangan mengikut meritnya. Kalau sekiranya kes pembawaan senjatapi itu melibati perkara subversif, perkara yang ada kaitannya dengan kegiatan kominis, biasanya kita bawa tuduhan di bawah Undang-undang ISA ataupun kalau sekiranya membawa senjatapi itu adalah dipandang serius oleh kerana pihak yang berkenaan itu kerap kali menggunakan senjatapi dalam perkara melakukan sesuatu perkara jenayah, merompak, menyamun dan sebagainya, oleh kerana dianggap beratnya kesalahan pihak yang berkenaan ini menggunakan senjatapi itu, maka di dalam perkara semacam ini juga ada kalanya kita bawa tuduhan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dan bukan di bawah Akta Senjatapi.

Jadi sebagaimana saya katakan tadi keputusan samada tuduhan itu di bawah undang-undang Senjatapi ataupun di bawah Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri bergantung semata-mata kepada seriousness ataupun beratnya kesalahan yang dianggap telah dilakukan oleh pihak yang berkenaan.

Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani tadi menyeru supaya tindakan yang sekeras-kerasnya diambil terhadap orang-orang yang memiliki

senjatapi dengan ada bukti bahawa senjatapi yang di miliki telah digunakan untuk melakukan sesuatu perkara jenayah yang berat dari pandangan kita. Kerana kita tidak mahu negara kita terutamanya di bandar-bandar menjadi bandar cowboy di mana pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab bawa senjatapi dan menggunakan senjata sewenang-wenangnya sahaja. Dan semenjak tuduhan membawa senjatapi ini dibawa di bawah Undang-undang ISA, sukacita saya maklumkan di sini bahawa bilangan kes-kes yang melibatkan pembawaan dan penggunaan senjatapi adalah jauh berkurangan daripada masa-masa yang lepas.

Pendek kata bagi makluman Ahli Yang Berhormat, kita menimbang perkara ini dari segi merit satu-satu kes itu. Kalau sekiranya kes itu tidak dianggap berat, dari segi erti kata bahawa dia tidak ada melibatkan perkara subversif, perkara kominis, tidak ada bukti bahawa pihak-pihak yang menggunakan senjatapi itu telah melakukan kesalahan dalam mana dia sentiasa selalu menggunakan senjata, saya telah mengarahkan bahawa tuduhan dibuat di bawah Akta Senjatapi bukan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Ahli Yang Berhormat dari kawasan Pasir Puteh telah membangkitkan masalah berkenaan dengan jumlah kes-kes harta pesaka yang diterima dan diselesaikan. Angka kes yang diterima dan diselesaikan ialah seperti berikut:

Tahun 1967

Bilangan pesaka pada awal tahun	2,364
Diterima	1,423
Kes yang telah diselesai	1,262
Baki pada akhir tahun	2,495
Nilainya	\$61,330,652

Tahun 1977

Bilangan pesaka pada awal tahun	2,495
Diterima	1,415
Kes yang telah diselesai	1,283
Baki pada akhir tahun	2,628

Tahun 1978 (Jangkamasa 1-1-78—30-9-78)

Kes-kes yang diterima dan ditutup adalah seperti berikut:

Akhir bulan September, 1978

Bilangan pesaka diterima ...	1,158
Kes yang telah diselesai ...	1,118
Baki hingga 1-10-1978 ...	2,708
Nilainya	\$61,684,316

Bagi tahun 1979, Pejabat ini belum dapat menentukan berapa banyak kes yang akan diterima dan yang akan diselesaikan dan anggaran yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih bahawa kes-kes yang akan diselesaikan atau ditutup sebanyak 600 kes dalam tahun 1979 adalah tidak benar. Lazimnya pejabat ini dapat menyelesaikan kes-kes pada tiap-tiap tahun lebih daripada 1,200 termasuk harta pesaka kecil, jika berlaku sesuatu kelambatan dalam menyelesaikan kes harta pesaka kecil maka kelambatan itu ialah kerana tidak dapat tarikh perbicaraan yang awal.

Tentang kelambatan mendapatkan Borang "C" daripada Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur selepas kad biru dikirimkan, ini adalah disebabkan tindakan kena diambil untuk menyiasat dengan teliti samada permohonan dahulu telah dibuat berkenaan dengan harta pesaka yang sama. Ini adalah sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu maklum adalah menjadi tanggungjawab Mahkamah Tinggi.

Kekurangan Pegawai Penyelesaian di Pejabat Daerah dan negeri-negeri ini adalah tanggungjawab pejabat atau Kementerian lain bukan tanggungjawab Jabatan Pemegang Amanah Raya. Saya mengakui bahawa di dalam perkara ini perlu ditambahkan bilangan pegawai yang berkenaan supaya dapat kita menjalankan tanggungjawabnya dengan lebih berkesan lagi daripada masa-masa yang lepas.

Mengenai penambahan pegawai di pejabat Biro Bantuan Guaman Kedah dan mengadakan cawangan kecil di Sungai Petani suka saya maklumkan kepada Yang Berhormat itu bahawa setakat ini cawangan Biro Bantuan Guaman Kedah telahpun mempunyai seorang pegawai undang-undang, dua orang jurubahasa dan dua orang pegawai kerani dan seorang pelayan pejabat.

Dari laporan jumlah kes-kes yang diterima oleh Ibu Pejabat, Biro Bantuan Guaman sepanjang tahun 1978 adalah didapati

bahawa jumlah kakitangan ini memadai bagi seluruh negeri Kedah. Walau bagaimanapun, jika ada seseorang yang bertempat di Sungai Petani ataupun di hujung negeri Kedah yang memerlukan bantuan guaman, tetapi tidak berupaya atau terlalu miskin untuk datang ke Pejabat Bantuan Guaman di Alor Setar, saya berpendapat beliau boleh menulis ke pejabat Biro Bantuan Guaman Alor Setar dengan surat untuk pegawai Biro ini datang menemuinya pada masa dan tempat yang ditentukan. Dan sekiranya pemohon itu tidak dapat menulis, beliau boleh berjumpa dengan pegawai kebajikan masyarakat yang berhampiran sekali dengan tempat itu ataupun berjumpa dengan penghulu atau ketua kampung dan memberitahu mereka supaya pegawai Biro dapat datang mengunjungi tempat di mana pihak ini berada supaya bantuan yang berpatutan dapat diberikan kepada beliau.

Tentang perkara pampasan (accident compensation) yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, sukalah saya menyatakan bahawa laporan itu telah dikemukakan kepada saya, dan saya sedang mengkaji dan habis sahaja saya membuat kajian ini bersama-sama dengan Timbalan Menteri saya, saya akan membentangkan laporan itu kepada Jemaah Menteri dengan harapan bahawa satu undang-undang sebagaimana yang dibayangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dapat digubal pada masa akan datang ini.

Tentang cadangan supaya satu Suruhanjaya (Commission) diberi tugas menentukan banyaknya pampasan yang patut dibayar di bawah undang-undang ini, kalau diadakan undang-undang, sukacita saya menyatakan bahawa dalam undang-undang ini akan diadakan peruntukan bagi satu Suruhanjaya diberi tanggungjawab menentukan banyaknya pampasan yang boleh diberikan.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat supaya satu Mahkamah Rayuan diadakan, suka saya menyatakan bahawa buat masa ini dalam kes jenayah dan kes-kes meliputi Perlembagaan, rayuan boleh dibuat ke Federal Court di mana biasanya bilangan Hakim-hakim yang tertentu, jika tidak salah saya, 6 ataupun 7 yang dianggap layak adalah biasanya menimbang rayuan-rayuan yang dibawa. Biasanya pada masa lepas ke Privy Council

di dalam perkara jenayah ataupun perkara-perkara berkaitan dengan Perlembagaan, sama ada kita mengadakan satu lagi Appellate Court di atas Federal Court, ini adalah perkara polisi yang terkeluar daripada kuasa saya sebagai Menteri Undang-undang; dan ini adalah di dalam pertimbangan Perdana Menteri sendiri yang bertanggungjawab di dalam perkara Mahkamah.

Jadi itu sahajalah, Tuan Pengerusi, jawapan saya kepada perkara-perkara yang berbangkit. Mungkin saya ketinggalan menyentuhi lain-lain perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya telah mengambil ingatan di atas perkara-perkara yang telah dibangkit yang telah saya tidak sentuh dan, jika perlu, tindakan diambil terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan dan isya Allah, saya akan memberi layanan tindakan kepada perkara-perkara yang telah dibawa kepada pengetahuan saya pada hari ini.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$17,302,300 untuk Maksud B. 48, \$1,910,500 untuk B. 49 dan \$1,665,900 untuk B. 50 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri untuk mengemukakan Anggaran Perbelanjaan bagi Kementerian beliau.

Maksud B. 30 (Jadual)—

Maksud P. 30 (Anggaran Pembangunan, 1979)—

5.13 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad): Tuan Pengerusi, saya, bagi pihak Yang Berhormat Mulia Menteri Luar Negeri, memohon izin untuk mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Kementerian saya bagi tahun 1979 di bawah Kepala B. 30, Belanja Mengurus sebanyak \$58,728,000 dan P. 30 Peruntukan Pembangunan, sebanyak \$3,550,000 yang mana jumlahnya adalah \$62,278,000 untuk pertimbangan dan kelulusan Dewan yang mulia ini. Sebagai pengetahuan dan perbandingan Ahli-ahli Yang Berhormat, perbelanjaan Kementerian

saya bagi tahun 1978 adalah \$57,783,200 terdiri daripada \$53,764,200, Belanja Mengurus dan \$4,019,000 Peruntukan Pembangunan. Dengan ini bermakna perbelanjaan telah bertambah sebanyak \$4,494,800 atau secara peratusannya 7.22%.

Seperti yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, tambahan yang dipohonkan ini adalah dipandang wajar dan sejajar dengan perkembangan Aktiviti-aktiviti, fungsi-fungsi dan peranan yang dimainkan oleh Kementerian saya untuk mencapai objektif-objektif dasar luar kita.

Seperti yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, fungsi utama Kementerian saya atau Wisma Putra adalah untuk memelihara dan memupuk persefahaman dan keharmonian dalam hubungan antarabangsa. Dalam soal ini, Wisma Putra telah memainkan peranan yang penting untuk menilai perkembangan politik di seluruh dunia di samping membantu Kerajaan merumus, merancang dan membentuk satu dasar luar negeri yang positif dan dinamik.

Dasar luar kita, Tuan Pengerusi, berlandaskan sifat peribadi negara kita yang percaya dan berpegang teguh kepada prinsip mengadakan hubungan baik dengan semua negara di dunia tanpa memperhitungkan sistem socio-ekonomi dan politik negara-negara itu dengan syarat mereka ingin dan mahu menjalinkan hubungan baik dengan kita.

Berasaskan kepada prinsip itu, kita telah menyarankan kepada dunia bahawa kita berpegang teguh kepada dasar berkecuali dalam politik antarabangsa dan ingin mengujudkan rantau Asia Tenggara sebagai kawasan yang Aman, Bebas dan Berkecuali. Kita juga seperti yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia ketahui, bersama-sama dengan negara-negara jiran telah mengujudkan kumpulan ASEAN yang bertujuan semata-mata untuk memajukan kedudukan-kedudukan sosio-ekonomi rantau ini yang akan memberi manfaat kepada rakyat masing-masing.

Malaysia, Tuan Pengerusi, telah mengambil dan memainkan peranan yang utama di dalam semua aktiviti-aktiviti ASEAN. Negara-negara ASEAN telah berjaya menandatangani satu Perjanjian kerjasama dalam keistimewaan Perdagangan (Preferential Trading Arrangement) di mana jumlah barangan telah ditambahkan daripada 70 kepada 755 jenis barangan. Kita

yakin bahawa dalam setiap perundingan yang akan datang, sebanyak 100 jenis barangan lagi akan dimasukkan dalam Perjanjian ini.

Kerjasama rapat di antara negara-negara ASEAN ini telah menambahkan lagi minat serta sokongan daripada masyarakat antarabangsa terutama sekali negara-negara maju serta pertumbuhan antarabangsa. Satu contoh dalam kemajuan ini ialah kejayaan-kejayaan yang diperolehi dalam dialog-dialog dengan negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Jepun, Kanada, Australia, New Zealand dan ahli-ahli E.E.C. Di antara hasil yang diperolehi dari dialog-dialog tersebut ialah kepercayaan negara-negara tersebut terhadap pertumbuhan ASEAN dan ini memperhebatkan lagi kegiatan perdagangan barangan utama negara-negara ASEAN ke pasaran negara-negara itu dan telah menimbulkan kepercayaan mereka untuk melaburkan modal dan memberikan kredit kepada negara-negara ASEAN.

Kejayaan yang diperolehi pada tahun ini menggalakkan lagi negara-negara ASEAN untuk meningkatkan lagi usaha kerjasama ini sesuai dengan peranannya sebagai pertumbuhan yang dinamik dan positif.

Undang-undang Laut dan Selat Melaka

Tuan Pengerusi, Malaysia sebagai sebuah negara berpantai telah memainkan peranan yang aktif dan berkesan di dalam Persidangan Undang-undang Laut (Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu) yang III (Ketiga). Malaysia sebagai negara yang berpantainya Selat Melaka, iaitu satu perairan yang amat penting bukan sahaja di rantau ini tetapi juga di dunia pada amnya dari segi lalu-lintas pelayaran dan berhampiran pula dengan beberapa gugusan pulau-pulau, memandangkan perkara taraf Selat Melaka dan Konsep Gugusan Pulau-pulau yang dibincangkan di Persidangan itu dengan penuh minat. Juga tidak ketinggalan kita telah mengambil bahagian di dalam perbincangan mengenai perairan wilayah, pelantar benua, Kawasan Ekonomi Khas, dan prinsip-prinsip penentuan sempadan lautan. Malaysia akan terus bergiat lagi di seksi ke VIII Persidangan itu yang akan diadakan pada bulan Mac, 1979 di Geneva.

Tuan Pengerusi, sejajar dengan konsep kerjasama serantau, Malaysia bersama-sama dengan negara-negara jiran di dalam

ASEAN telah bersetuju untuk melaksanakan satu Skim Permisahan Trafik di Selat Melaka dan Selat Singapura. Skim ini telahpun diluluskan oleh International Maritime Consultative Organisation (I.M.C.O.) pada bulan November, 1977. Pada masa ini beberapa aspek teknikal sahaja sedang dikaji sebelum skim tersebut dapat dilaksanakan.

Asia Tenggara

Tuan Pengerusi, hubungan Malaysia dengan negara-negara di kawasan Asia Tenggara adalah baik. Beberapa bidang hubungan dua hala dengan negara-negara ini telahpun berjalan dengan licin dan sentiasa dipertingkatkan lagi terutama sekali dalam bidang politik, ekonomi, sosial dan kerjasama keselamatan sempadan. Rundingan-rundingan dan lawatan di peringkat pegawai, jawatankuasa dan menteri sentiasa diadakan bagi faedah bersama.

Baru-baru ini negara kita telah menjadi tuan rumah kepada Perdana Menteri Vietnam. Lawatan tersebut menandakan satu langkah positif Vietnam untuk mengujudkan hubungan persahabatan dan kerjasama yang lebih erat di antara kedua buah negara. Ia juga mencerminkan satu sumbangan ke arah usaha bagi mencapai keadaan stabil dan aman di rantau ini.

Tuan Pengerusi, Malaysia sentiasa berusaha dalam mewujudkan kawasan aman, bebas dan berkecuali di rantau ini. Konsep ini sentiasa dimajukan di dalam persidangan-persidangan antarabangsa dan rundingan-rundingan yang diadakan. Setakat ini, kuasa-kuasa besar telah memahami dan memberi sokongan mereka. Baru-baru ini, dua tetamu negara iaitu Perdana Menteri Vietnam dan juga Naib Perdana Menteri Republik Rakyat China telah mengulangi sokongan mereka terhadap konsep tersebut. Negara kita akan sentiasa meneruskan usahanya supaya keadaan aman, bebas dan berkecuali ini menjadi kenyataan.

Malaysia dan Asia Timur

Malaysia mempunyai hubungan persahabatan yang baik dengan negara-negara di Asia Timur, terutama sekali dengan negara Jepun. Pertukaran-pertukaran lawatan di antara pemimpin-pemimpin kedua-dua buah negara telah menjalinkan hubungan yang lebih erat dan kukuh. Juga kedua-dua

negara ini mempunyai hubungan ekonomi dan perdagangan yang rapat dan berhasil. Kerajaan Jepun telah memberikan bantuan kredit Yen kepada Malaysia untuk rancangan-rancangan pembangunan kita. Sementara itu, negara Jepun dan Malaysia telah menubuhkan di negara masing-masing satu Persatuan Ekonomi yang bertujuan untuk bekerjasama bagi kemajuan pelaburan di Malaysia.

Hubungan Malaysia dengan Republik Rakyat China adalah semakin berkembang sejak tertubuhnya hubungan diplomatik dalam tahun 1974. Kedua-dua negara sudah mengadakan pertukaran lawatan dalam berbagai-bagai bidang. Lawatan Yang Berhormat Mulia Menteri Luar Negeri Malaysia baru-baru ini ke Republik Rakyat China dan lawatan Tuan Yang Terutama, Teng Hsiao-Ping, Timbalan Perdana Menteri, ke Malaysia merupakan satu peringkat penting dalam hubungan di antara kedua-dua negara, dan ianya bertujuan untuk mengeratkan lagi persahabatan antara kedua negara. Dengan terjalinnya hubungan yang lebih rapat, di harap hubungan ekonomi juga akan berkembang, terutamanya di dalam bidang perdagangan. Malaysia menghargai sokongan China terhadap cadangan kita supaya Asia Tenggara dijadikan satu Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali. Malaysia juga menghargai sokongan yang diberikan oleh negara China terhadap ASEAN dan kegiatan-kegiatannya untuk memajukan kerjasama serantau.

Asia Barat

Hubungan Malaysia dengan negara-negara di Asia Barat dan Afrika adalah bertambah erat, khususnya berikutan dengan kegiatan negara kita di dalam aktiviti-aktiviti Pertubuhan Persidangan Islam. Pada awal tahun ini, Persidangan Tahunan Kedua Bank Pembangunan Islam (Islamic Development Bank) dan Mesyuarat Pertama Gabenor-gabenor Bank Pusat Negara-negara Pertubuhan Islam telah diadakan dengan jayanya di Kuala Lumpur. Adalah menjadi hasrat negara kita untuk terus bergiat di dalam Pertubuhan tersebut yang kian memberi faedah kepada masyarakat Islam dan mendapat perhatian masyarakat dunia amnya.

Pergolakan politik di Asia Barat tetap mengambil perhatian berat kita, terutamanya berhubung dengan soal pertikaian Arab-

Israel. Berkenaan dengan persetujuan-persetujuan Camp David dan lawatan President Sadat ke Jerusalem sebelumnya, Kerajaan Malaysia sentiasa mengalu-alukan apa sahaja inisiatif yang boleh membawa penyelesaian yang penuh dan berkekalan dalam pertikaian Arab-Israel. Bagaimanapun Malaysia tetap berpegang kepada pendiriannya, iaitu, bahawa suatu penyelesaian yang penuh dan adil yang boleh tercapai apabila terdapat pengunduran Israel dari semua wilayah Arab yang ditaklukinya termasuk Baitul Muqaddis tanpa bersyarat dan juga pengiktirafan hak mutlak rakyat Palestin, hak mereka untuk menentukan masa depan dan menubuhkan negara mereka sendiri.

Dalam tahun ini Yang Berhormat Mulia Menteri Luar Negeri telah sempat membuat lawatan rasmi ke Kuwait dan Arab Emirate Bersatu dan juga dapat menghadiri Persidangan Menteri-menteri Luar Negara Islam di Dkar, Senegal. Beberapa orang Menteri dan orang-orang kenamaan negara kita telah juga membuat lawatan ke negara-negara di rantau tersebut dengan tujuan yang serupa iaitu untuk mengeratkan hubungan dan merundingkan perkara-perkara kerjasama di bidang-bidang kebudayaan, saintifik, teknikal, ekonomi dan perdagangan. Juga beberapa rombongan yang serupa dari negara-negara di rantau tersebut, telah juga membuat lawatan ke negara kita dalam tahun ini. Malaysia akan berusaha untuk memperbaiki lagi bidang-bidang kerjasama bercorak dua hala dengan negara-negara sahabat di Asia Barat dan Afrika supaya tali persahabatan yang sedia ada akan memberi kesan dan faedah yang lebih bermakna. Pada tahun ini kita telah bersetuju bertukar-tukar perwakilan diplomatik dengan dua buah negara Anggota Persidangan Islam di Afrika iaitu Senegal dan Somalia. Dalam pada itu beberapa negara-negara Arab telah membayangkan kesediaan mereka untuk menubuhkan pejabat-pejabat perwakilan masing-masing di Kuala Lumpur dan saya harap perkara ini akan ternyata dalam tahun hadapan.

Asia Selatan

Sehingga tahun ini, perhubungan tradisional Malaysia dengan negara-negara di Asia Selatan telah diperkukuhkan lagi dengan lawatan-lawatan oleh beberapa orang kenamaan negara-negara itu ke Malaysia, termasuklah Duli Yang Maha Mulia Raja

Nepal. Yang Berhormat Mulia Menteri Luar Negeri sendiri juga telahpun membuat lawatan rasmi ke India, Pakistan dan Bangladesh dan mengadakan perbincangan dengan negara-negara tersebut dalam usahanya untuk mempergiatkan lagi perhubungan dua hala dengan mereka. Perhubungan ini telahpun diperkukuhkan lagi dengan menandatangani satu Perjanjian Kebudayaan dengan India dan Bangladesh, dan dengan "initial" perjanjian yang serupa dengan Pakistan.

Perhubungan baik negara kita dengan negara-negara Asia Tenggara dapat dicerminkan melalui kerjasama erat di mana pakar-pakar dan ahli-ahli professional negara-negara tersebut dihantar bagi membantu dalam bidang perubatan, kejuruteraan dan sebagainya. Di samping itu, kita pula membantu negara-negara tersebut dalam perusahaan kelapa sawit dan getah. Ramai bilangan penuntut-penuntut Malaysia sekarang mendapat tempat untuk meneruskan pelajaran tinggi di India, Pakistan dan Bangladesh.

Afrika

Bagi Malaysia, partisipasinya dalam perisidangan Kumpulan Negara-negara Berkecuali serta dalam forum-foram antarabangsa yang lain telah meletakkan negara kita sebagai satu negara yang penting dan harus dibawa berunding dalam segala usaha untuk mewujudkan satu sistem ekonomi antarabangsa yang baru (New International Economic Order) dan usaha-usaha negara-negara membangun dalam Kumpulan 77, Persidangan GATT dan skema untuk menstabilkan Harga Barang Utama, Negara-negara di Afrika, sebagai negara-negara yang sedang membangun seperti Malaysia perlu diperkukuhkan lagi. Secara langsung dan tidak langsung Malaysia memerlukan kerjasama negara-negara tersebut dalam usahanya dalam forum-foram tadi untuk kepentingan bersama, dan juga memandangkan bahawa Afrika adalah suatu pasar yang berpotensi untuk pengeluaran-pengeluaran kita seperti kelapa sawit, kayu-kayan dan getah.

Eropah

Tuan Pengerusi, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan mulia ini sedia maklum, pertukaran-pertukaran lawatan di semua peringkat di antara Malaysia dan negara-

negara Eropah terutama negara-negara EEC masih lagi berjalan dengan licin. Lawatan-lawatan ini adalah berfaedah kerana ianya telah membolehkan Kerajaan kita menerangkan dengan jelas tujuan-tujuan dasar luar negeri dan juga untuk menikmati hasil daripada pengalaman dan kemajuan negara-negara itu dalam bidang perindustrian, pelancungan, sains, teknologi dan pelajaran. Eropah adalah juga dianggap sebagai punca yang penting bagi mendapat pelaburan dan pemindahan teknologi.

Di negara-negara Eropah Timur, Malaysia sedang berusaha menambah lagi perwakilan diplomatiknya. Eropah Timur adalah di antara pasaran penting bagi barang-barang eksport kita, dan juga untuk mendapat kerjasama daripada negara-negara di rantau itu dalam forum-foram antarabangsa.

Amerika

Amerika Syarikat memainkan peranan yang penting dalam hal ehwal antarabangsa pada amnya. Malaysia terus mengekalkan dan mengokohkan lagi hubungan politik dan ekonominya yang erat dengan negara tersebut.

Pertukaran-pertukaran lawatan di semua peringkat di antara Amerika Syarikat dan Malaysia adalah bercorak positif. Lawatan-lawatan ini, telah mendekatkan pendapat dan pendekatan kedua-dua negara dalam beberapa issue penting baik bercorak antarabangsa mahupun bercorak serantau.

Amerika Latin

Setakat ini perhubungan kita dengan negara-negara di Amerika Latin adalah terhad akibat dari beberapa faktor termasuk jauhnya dari Malaysia. Perdagangan dua hala dengan negara-negara tersebut adalah secara minima. Walau bagaimanapun, Malaysia mempunyai perhubungan dan interkasi yang baik dengan negara-negara tersebut dalam beberapa forum antarabangsa terutama sekali forum-foram negara-negara membangun. Baru-baru ini juga kita telahpun mempergiatkan lagi perhubungan kita dengan beberapa negara Amerika Latin terutama sekali Bolivia berpunca dari minat kita untuk menstabilkan harga-harga bijih timah. Kementerian saya juga, sedang mengkajikan soal pembukaan sebuah perwakilan yang boleh mewakili kita ke negara-negara di

Amerika Latin terutamanya pertalian kita dengan negara-negara tersebut agar diperkokohkan kerana kepentingan kita pada dasarnya adalah sama.

Australiasia

Hubungan Malaysia dengan negara-negara di kawasan Australasia adalah baik dari segi dua hala. Walaupun beberapa masalah dari segi Perdagangan masih ada lagi Namun, pada keseluruhannya hubungan kita begitu rapat dan bermanfaat.

Hubungan Malaysia dengan Australia dan New Zealand telah lama terjalin dan dengan adanya kerjasama melalui Komonwel dan ASEAN, perhubungan ini akan bertambah erat lagi.

Dengan negara-negara di kepulauan Pasifik Selatan pula, hubungan kita akan bertambah rapat. Malaysia dipandang tinggi oleh negara-negara tersebut dan mereka mencontohi pembangunan yang telah dicapai oleh Malaysia. Seringkali terdapat pemimpin-pemimpin dari negara-negara itu datang ke Malaysia untuk mempelajari cara-cara pembangunan kita. Mereka pula sentiasa memahami dan menyokong aspirasi-aspirasi Malaysia. Dalam hal ini ingin saya mencadangkan supaya suatu pejabat Kedutaan Malaysia ditubuhkan di Papua New Guinea dan juga untuk menauliahkan Pesuruhjaya Tinggi kita di Australia ke Tonga dan Samoa Barat. Ini ialah untuk menguat dan memperluaskan lagi kedudukan Malaysia di kawasan tersebut.

Bangsa-bangsa Bersatu

Malaysia sejak 31hb Ogos, 1957 telah menyokong cita-cita Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu serta ajensi-ajensinya. Malaysia adalah anggota kepada beberapa pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan dalam masa 1973-1978 dan 1974-1980 menjadi ahli dalam majlis kerja badan-badan yang berikut:

- (i) Pertubuhan Telekom Antarabangsa;
- (ii) ECOSOC;
- (iii) Program Alam Sekitar;
- (iv) Lembaga pembangunan Industri;
- (v) Kesatuan Pos Antarabangsa.

Di samping itu, Malaysia adalah juga anggota Jawatankuasa Khas Apartheid dan Hak-hak Palestin.

Kumpulan Negara-negara Berkecuali dan Netralisasi (Neutralisation)

Tuan Pengerusi, sebagai sebuah negara yang merupakan dasar luar yang berkecuali sudah tentu menjadi tanggungjawab Malaysia untuk menyertai dalam bidang aktiviti Kumpulan itu. Dalam tahun yang akan datang, Malaysia akan mempergiatkan lagi usaha-usaha kita untuk memainkan peranan yang lebih besar dan berkesan dalam forum ini, sejajar dengan dasar luar dan hasrat kita.

Ekonomi Antarabangsa

Dasar luar kita telah mencerminkan hasrat untuk menjayakan Dasar Ekonomi Baru dan telahpun meningkatkan aktiviti-aktiviti kita di dalam forum-foram antarabangsa yang kini sedang membincang dan mengusahakan susunan semula sistem ekonomi antarabangsa dalam bentuk Order Baru Ekonomi Antarabangsa (O.B.E.A.) atau New International Economic Order. Tujuan Order Baru Ekonomi Antarabangsa itu adalah bukan sahaja menyusun semula sistem yang ada tetapi juga untuk mengurangkan jurang kemiskinan dan perdagangan di antara negara-negara maju dengan negara-negara yang sedang membangun.

Dalam tahun 1977, Malaysia telah mengikut dengan minatnya atau mengambil bahagian di dalam perbincangan-perbincangan di forum antarabangsa seperti sidang Kemuncak Negara-negara Maju di London pada bulan Mei, Persidangan Paris (Conference on International Economic Cooperation) pada bulan Jun, dan Persidangan Kemuncak Komonwel dalam bulan Jun juga di London. Malaysia juga telah mengambil bahagian di dalam Persidangan-persidangan yang sama baik di peringkat pegawai ataupun Menteri.

Di dalam bidang Order Baru Ekonomi Antarabangsa, Malaysia sentiasa mengutamakan soal pengekspotan barang-barang utama kita dan juga memajukan penubuhan Tabung Bersama. Walaupun di dua Persidangan mengenai Tabung Bersama dalam 1977, kemajuan yang konkrit belum lagi tercapai, Negara-negara Pengeluar Getah telah dapat membuat persediaan yang memuaskan untuk

mencapai satu Perjanjian Getah Antara-bangsa di mana kestabilan harga getah menjadi objektif yang utama. Persidangan ke III Tabung Bersama telah diadakan pada 14hb hingga 27hb November dan Persidangan Perjanjian Getah telah bermula pada 13hb November, 1978 di Geneva.

Tuan Pengerusi, Malaysia, bersama-sama dengan negara-negara membangun yang lain, sentiasa memesatkan tenaga untuk memperluaskan pasaran barangan eksportnya serta mencari jalan bagi mengurangkan rintangan perdagangan atau protective tariff dan non-tariff barriers yang dikenakan oleh setengah negara-negara maju. Rundingan-rundingan multilateral bagi objektif ini dibuat melalui GATT-MTN, Persidangan Negara-negara Islam, Persidangan Kumpulan Negara-negara Berkecuali, Komonwel, P.S.C.A.P. dan sebagainya dan adalah diharapkan bahawa kerjasama dan persefahaman yang tercapai melalui rundingan-rundingan ini dapat dikekalkan.

Perkembangan ekonomi dan aktiviti-aktiviti pandangan antarabangsa sentiasa diawasi melalui perwakilan-perwakilan kita di seberang laut dan laporan-laporan disediakan untuk kegunaan Kementerian-kementerian dan agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan bagi mengkajinya dalam memperhebatkan lagi penyertaan Malaysia dalam forum-foram antarabangsa. Hasil dari kerjasama rapat di antara Wisma Putra dengan Kementerian lain, sebuah Jawatankuasa Ekonomi antara Kementerian-kementerian telahpun dibentuk.

Di dalam konteks hubungan dua hala, Wisma Putra telah memberi kerjasama dalam penyediaan beberapa lawatan rombongan pelaburan ke negara ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam tahun 1977, 4 perjanjian perdagangan serta 2 perjanjian pengelakan cukai dua kali, telah ditandatangani. Selain daripada itu, beberapa perutusan telah dikemukakan kepada Kerajaan Amerika Syarikat, Jepun, Australia dan E.E.C. yang mempunyai "Protective Trade Policies" terhadap pengekspotan barang-barang Malaysia seperti nenas bertin, minyak kelapa sawit, textile dan kayu-kayan. Masalah-masalah itu akan diamati untuk mendapat hasil yang memuaskan.

Di samping apa yang telah saya terangkan di atas adalah tugas Wisma Putra untuk menyarankan kedudukan ekonomi yang

sedang berkembang di negara kita kepada negara-negara maju supaya segala kesempatan dapat diperolehi untuk mendorong negara-negara itu serta usahawan-usahawan mereka melabur modal dan melaksanakan permindahan teknologi ke negara kita. Lawatan-lawatan yang demikian baik daripada Amerika Syarikat, Jepun, Australia, Jerman Barat, Sweden, Switzerland, Kanada, Asia Barat telahpun dilakukan, dan bagi kita pula semua "follow-up" hendaklah dijalankan dengan segera untuk mengekal dan mengembangkan lagi aktiviti-aktiviti itu.

Bahagian Penerangan Luar Negeri

Tuan Pengerusi, Bahagian Penerangan Luar Negeri di Wisma Putra bertanggungjawab, antara lain, menyedia dan menyebarkan bahan-bahan penerangan kepada perwakilan-perwakilan Malaysia di Seberang Laut. Bahan-bahan penerangan tersebut disusun dan diolah oleh Bahagian ini untuk menerbitkan risalah-risalah serta penerbitan-penerbitan yang menerangkan mengenai dasar-dasar Kerajaan serta kemajuan-kemajuan yang dicapai oleh negara kita dari semasa ke semasa. Selama ini Kementerian Luar Negeri telah menyediakan penerbitan-penerbitan secara tetap dan "ad hoc" dalam bahasa Inggeris, Arab, Jepun dan Perancis sebagai alat serantau yang dapat digunakan oleh Perwakilan-perwakilan kita di Seberang Laut. Bahan-bahan publisiti lain yang di bekalkan untuk diedarkan dengan seluas-luasnya termasuklah filem-filem, bahan-bahan kesenian, gambar lukisan, kesenian tangan serta rakaman musik Malaysia. Sebagai memenuhi permintaan dari golongan remaja di berbagai-bagai negeri, Kementerian juga menyediakan risalah tertentu mengenai sejarah, ilmu bumi, kebudayaan, ekonomi dan masyarakat.

Perwakilan-perwakilan kita sentiasa termaklum akan perkembangan-perkembangan yang berlaku di tanahair menerusi taligram, akhbar yang dikirimkan pada setiap hari. Usaha menunjukkan imej Malaysia di luar negeri bukan sahaja dijalankan oleh seluruh anggota perwakilan Malaysia tetapi juga diselenggarakan oleh warganegara Malaysia termasuk pelajar-pelajar Malaysia sendiri. Memandang akan hal ini, banyak bahan-bahan penerangan juga disalurkan kepada pelajar-pelajar kita.

Pada tahun 1979, Bahagian ini akan mempergiatkan lagi aktiviti-aktiviti publisiti di luar negeri sesuai dengan usaha kita bagi meningkatkan lagi kerjasama serantau yang akan mencerminkan dasar luar negeri kita yang aktif dan bebas. Untuk mencapai matlamat dan objektif tersebut, kadar pengeluaran penerbitan kita akan ditambah lagi pengeluarannya sebanyak 50%, kerana berasaskan kepada pengalaman yang sudah-sudah, permintaan daripada orang ramai sungguh menggalakkan. Ini termasuklah penerbitan-penerbitan yang akan diterjemahkan ke dalam bahasa Jerman dan Itali, selain daripada bahasa-bahasa yang sedia ada. Juga, satu projek baru akan dilancarkan di mana semua perwakilan-perwakilan di Seberang Laut akan dibekalkan dengan bahan-bahan yang sesuai bagi mengadakan "photograph exhibition" yang tetap, untuk mencerminkan masyarakat dan kemajuan negara kita.

Tuan Pengerusi, sekarang izinkan saya untuk memperkatakan Anggaran Perbelanjaan tiap-tiap aktiviti-aktiviti yang diperlukan oleh Kementerian saya bagi tahun 1979. Aktiviti-aktiviti itu adalah seperti berikut:

A. BELANJA MENGURUS

(i) Pentadbiran Am ...	\$25,353,000
(ii) Politik ...	21,842,000
(iii) Penerangan Luar Negeri	3,795,000
(iv) Konsular ...	581,000
(v) Ekonomi dan Kerjasama Daerah ...	863,000
(vi) Kemudahan Perhubungan dan Keselamatan	5,575,000
(vii) Protokol ...	719,000
JUMLAH ...	<u>\$58,278,000</u>

B. ANGGARAN PEMBANGUNAN

(i) Pejabat-pejabat Bangunan-bangunan di Seberang Laut ...	<u>\$ 3,550,000</u>
Jumlah besar sekali adalah ...	<u>\$62,278,000</u>

Tuan Pengerusi, saya tidaklah berniat memberi penjelasan yang lebar di atas segala perincian pada tiap-tiap aktiviti-aktiviti itu

oleh kerana butir-butiran telahpun diterangkan dengan jelas sekali di dalam Buku Anggaran Belanjawan, 1979.

Tuan Pengerusi, saya mohon untuk mencadangkan sejumlah \$62,278,000 diluluskan bagi Maksud B. 30 dan P. 30 di bawah Kementerian Luar Negeri.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud Bekalan B. 30 dan Maksud Pembangunan P. 30 di bawah Kementerian Luar Negeri sekarang terbuka untuk perbincangan. Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar.

5.45 ptg.

Tuan Edwin anak Tangkun (Batang Lupar): Tuan Pengerusi, saya bangun dan menyokong atas peruntukan wang yang diminta di bawah Maksud B. 30, Kementerian Luar Negeri. Wang diperuntukkan di sini ialah sebanyak \$62,278,000.

Tuan Pengerusi, di sini ingin saya menyentuh sedikit berkaitan dengan satu dua perkara yang saya anggap penting.

Yang pertama berkaitan dengan Butiran 1300, muka surat 243. Yang mana wang sebanyak \$1,562,200 diperuntukkan untuk tambahan kos kakitangan-kakitangan di luar negeri. Pada pendapat saya peruntukan ini perlu ditambah oleh sebab negara kita Malaysia pada hari ini sudah terpuji di merata dunia dan Malaysia juga ingin bersahabat dengan seluruh negara di seberang laut.

Tuan Pengerusi, persahabatan dan kerjasama kita juga dengan seberang laut amatlah penting kerana negara kita sedang membangun dan kita patutlah menambahkan pegawai-pegawai General Administration ataupun Pentadbiran Am seperti pegawai-pegawai dan Penerangan, Perhubungan dan Protokol di seberang laut. Malaysia juga sudah menjadi ahli Persatuan Antara Parlimen-parlimen dan juga menjadi ahli Persatuan Parlimen Commonwealth. Oleh yang demikian, Malaysia perlulah menambahkan pegawai-pegawai seperti yang saya sebutkan di atas ini. Menambahkan lebih banyak lagi pegawai-pegawai seperti Protokol-protokol di seberang laut ini memanglah amat penting kerana saya dapati pada tarikh 2hb September, 1978, Kerajaan Malaysia kita menghantarkan 5

Ahli dari Persatuan Kumpulan Parlimen Malaysia (Malaysian Inter-Parliamentary Group Union) ke Bonn pada tarikh 5hb September, 1978 sehingga 13hb September, 1978 untuk menghadiri 65th Inter-Parliamentary Conference, 1978.

Tuan Pengerusi, rombongan itu dianggotai oleh seorang Menteri, iaitu Tan Sri Ong Kee Hui dan seorang Timbalan Menteri iaitu Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin serta tiga Ahli yang lain. Apabila rombongan itu tiba di Frankfurt Airport pada 3hb September, 1978, rombongan itu sudah kelamkabut oleh sebab tidak ada pegawai Malaysia menyambut ketibaan rombongan Malaysia itu. Saya bukan complain, akan tetapi saya merayu untuk mengambil perhatian yang berat oleh Kerajaan kita supaya pada masa hadapan hal seperti ini tidak akan berlaku lagi di seberang laut. Ini mungkin boleh jadi kesilapan, ataupun Kerajaan kita tidak mencukupi pegawai-pegawai di negeri tersebut. Oleh yang demikian saya merayu kepada Kerajaan untuk menambahkan peruntukan ini supaya Kementerian ini dapat menambahkan Protokol-protokol dan sebagainya. Di sini juga saya ingin memohon supaya Kementerian ini dapat memberi pertimbangan, tolonglah juga ambil wakil dari Sarawak dan Sabah untuk bekerja di seberang laut oleh sebab banyak negara di seberang laut tidak faham hal-hal Sarawak dan Sabah yang cuma difahami sebagai "Pulau Borneo" sahaja.

Oleh yang demikian, saya berharap Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab dapat memberi pertimbangan mengambil wakil-wakil dari Sarawak dan Sabah untuk berkhidmat di seberang laut.

Tuan Pengerusi, selain dari itu ingin juga saya menyentuh sedikit berkaitan dengan anak-anak pegawai kita di seberang laut. Sebagai contoh di Republik Jerman tidak ada sekolah Inggeris dan sekolah Kebangsaan, pada pendapat saya Kerajaan kita patutlah mengadakan guru-guru yang mengajar dalam Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris di Republik Jerman. Ini satu perkara yang patut diambil perhatian dan sepatutnya dengan segera kita mengadakan guru-guru untuk mengajar anak-anak mereka dalam Bahasa Malaysia dan Inggeris semasa anak-anak mereka itu berumur di antara 6 tahun hingga 12 tahun, selepas itu anak-anak mereka dapatlah memasuki sekolah di luar

negeri iaitu di Republik Jerman. Saya berharap hal ini patutlah ditimbang oleh Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab supaya hal ini dapat diatasi dengan secepat mungkin.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi muka surat 247, Butiran 1, Pejabat-pejabat dan Bangunan-bangunan di Seberang Laut. Peruntukan sebanyak \$3,550,000 ini, pada pendapat saya perlulah ditambahkan kerana kita tidak mahu nama negara Malaysia jatuh bahkan kita mahu nama Malaysia terpuji di merata dunia. Kerajaan Malaysia patutlah mengadakan bangunan-bangunan yang lebih besar dan bercorak-corak, diperbaiki dan di dalam bangunan ini juga patutlah disediakan dan disikap dengan bermacam-macam gambaran, lukisan-lukisan culture dari Malaysia khususnya culture dari Sabah dan Sarawak untuk menarik pelancong-pelancong datang ke negara kita, dan perhubungan kita juga dengan negara seberang laut patutlah dirapatkan lagi. Dan begitu juga perhubungan perdagangan antara Malaysia dengan negara seberang laut patutlah digalakkan untuk mengatasi dasar-dasar kita di luar negeri. Oleh yang demikian, saya sekali lagi menyokong peruntukan wang yang dikehendaki oleh Kementerian ini.

5.53 ptg.

Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad (Baling): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Luar Negeri kerana kejayaannya memainkan peranan untuk meluaskan hubungan baik di antara Malaysia dengan negara-negara di dunia. Saya juga mengalu-alukan sikap Kerajaan untuk mengekalkan dasar berkecuali di dalam hubungan dengan negara-negara luar. Tetapi walaupun begitu, kita perlu mengemukakan soalan sejauh manakah hubungan-hubungan baik di antara Malaysia dengan negara-negara luar itu dapat dimanfaatkan oleh negara Malaysia demi untuk kepentingan dan kebaikan bagi negara ini serta menjamin keselamatannya, terutama di dalam menghadapi perkembangan politik antarabangsa semasa dan juga pengaruhnya terhadap perkembangan politik serantau yang mana perkembangan ini memerlukan satu penelitian yang menyeluruh terhadap dasar luar negeri kita dan pergerakan setiap aspek daripada diplomasi kita. Perkembangan-perkembangan di Asia

Barat setelah ditandatangani persetujuan Kem David dan juga perkembangan terakhir setelah tandatangani perjanjian antara Jepun dan China serta lain-lain perkembangan antarabangsa dan juga peperangan diplomasi antara Peking dan Moscow serta kesannya kepada negara-negara di Asia Tenggara haruslah dilihat sebagai perkembangan yang memerlukan suatu perhatian yang serius dan memerlukan suatu bentuk strategi yang teratur untuk menghadapi perkembangan-perkembangan itu.

Saya juga mengalu-alukan usaha-usaha daripada Kerajaan untuk menjadikan rantau Asia Tenggara ini sebagai rantau aman dan berkecuali. Walaupun begitu kita tidak seharusnya mengambil sikap yang hanya untuk mewujudkan rantau aman dan berkecuali di Asia Tenggara sedangkan kita tidak melihat perkembangan-perkembangan yang memberi ancaman kepada keselamatan negara kita sendiri. Dalam menghadapi perkembangan-perkembangan terakhir yang serius terutama berlakunya kedatangan-kedatangan dan kemasukan secara haram orang-orang Vietnam, saya meragukan kesungguhan Kementerian Luar Negeri di dalam membuat sesuatu andaian politik bagi menjaga keselamatan negara dan keuntungan yang boleh kepada negara ini yang boleh didapati daripada hubungan baik dengan negara-negara di dunia. Saya meragukan peranan Kementerian Luar Negeri di dalam memahami perkembangan yang berlaku di Vietnam dan kesannya kepada negara kita sehingga dengan mudah orang-orang Vietnam secara beramai-ramai telah memilih negara kita sebagai tumpuan mereka setelah mereka mengambil keputusan keluar daripada negara itu.

Apakah Kementerian Luar Negeri membuat kajian yang teliti untuk memahami kedudukan sebenarnya yang berlaku di Vietnam terutamanya setelah berakhirnya peperangan di negara itu dan juga perhubungan antara negara itu dengan China, apakah Kementerian Luar Negeri masih mempunyai kepercayaan bahawa perselisihan ideologi antara Peking dan Moscow menghalang Vietnam untuk bekerjasama dengan kedua-dua gergasi komunis itu untuk melaksanakan Tiori Domino demi untuk meluaskan pengaruh communism di Asia Tenggara. Saya berharap Yang Berhormat Menteri Luar Negeri menerangkan kepada Dewan ini apakah tindakan-tindakan yang berkesan yang

telah diambil oleh Kementerian beliau dalam mengatasi masalah-masalah kemasukan haram orang-orang Vietnam ini dan menggunakan pengaruh hubungan baik yang telah terjalin antara Malaysia dengan negara-negara Vietnam dan juga China dan juga negara-negara di Asia Tenggara ini sebelum Anggaran Belanjawan ini diluluskan oleh Kementerian tersebut.

Saya juga mengalu-alukan perhubungan baik seperti yang disebutkan tadi di antara negara kita dengan negara-negara di Asia Barat dan di samping itu saya suka mengambil perhatian di atas pelaksanaan dasar luar negeri kita dalam hubungan dengan negara-negara tersebut, khususnya yang berkaitan dengan krisis di Asia Barat. Umum mengetahui bahawa sesuatu bentuk hipokripsi merupakan suatu yang lumrah dalam bidang diplomasi antarabangsa tetapi hipokripsi yang dijalankan oleh Malaysia terlalu ketara sehingga mewujudkan satu bentuk hubungan yang tawar antara Malaysia dan negara-negara Arab di Asia Barat. Sambutan negara-negara Arab terhadap Malaysia bukan kerana kecekapan pelaksanaan dasar luar negeri kita tetapi oleh kerana mereka merasakan bertanggungjawab untuk menguatkan perhubungan itu berdasarkan kepada hubungan tradisi dan ikatan akidah dan keagamaan yang wujud zaman berzaman.

Saya ingin menerangkan di sini pergolakan hipokripsi kita terhadap negara Arab itu terlalu ketara. Ambil sahaja contoh perhubungan kita dengan Mesir, negara yang sedang menghadapi keadaan sukar akibat daripada peperangan yang dihadapinya dengan Israel. Dalam peperangan dengan Israel itu memang tidak dapat dinafikan Mesirlah yang paling banyak memikul beban.

Dalam hal ini kita telah menyatakan sokongan kita terhadap perjuangan-perjuangan adil umat Arab dalam Persidangan-persidangan Antarabangsa. Tetapi jika kita lihat sekali imbas sekalipun kita dapati bahawa dari segi bantuan dapatlah kita katakan bahawa merekalah yang sebenarnya membantu kita dan bukan kita yang membantu mereka.

Dalam peperangan Arab-Israel yang lalu sepertimana jawapan Setiausaha Parlimen kepada Menteri Luar di atas pertanyaan mulut saya bahawa Malaysia memberi

bantuan ubat yang jumlahnya tidak dinyatakan dan saya percaya bahawa bantuan itu adalah terhad jika dibandingkan dengan bantuan-bantuan Mesir kepada kita dalam bentuk biasiswa-biasiswa yang dikeluarkan kepada pelajar-pelajar kita, guru-guru yang dihantar dan juga doktor-doktor yang dipinjamkan kepada Malaysia untuk memberi perkhidmatan perubatan kepada rakyat negara ini.

Saya merasakan bahawa Kementerian Luar Negeri tidak begitu memandang serius terhadap pentingnya kedudukan Asia Barat di dalam hubungan antarabangsa. Ini ternyata dengan sikap Kerajaan menghantar orang-orang politik yang tidak lagi mempunyai peranan yang besar dalam negeri sebagai Duta-duta kepada beberapa negara-negara tersebut. Dengan menghormati kebolehan mereka di bidang-bidang tertentu yang mungkin boleh dimanfaatkan di dalam Negeri, saya tidak dapat menerima bahawa kebolehan mereka itu sesuai untuk memainkan peranan di luar negeri di suatu kawasan yang penting dalam percaturan politik antarabangsa, di luar daripada bidang kebolehan mereka yang sebenarnya.

Untuk kepentingan negara saya menggesa Kerajaan supaya menghentikan amalan menjadikan jawatan Duta itu sebagai jalan keluar bagi menyelesaikan keadaan serba salah yang dihadapi di dalam negeri. Bahkan jawatan itu hendaklah diisi oleh orang-orang yang difikirkan dapat memberikan pendekatan yang bermakna mengenai negeri-negeri di mana mereka ditugaskan mewakili Malaysia.

Saya pernah menjadi seorang kerani di Kedutaan Malaysia di Kaherah sebagai pegawai tempatan. Saya dapat melihat sendiri bagaimana jeliknya perangai seorang ahli politik yang tidak berperanan lagi dalam negeri yang dilantik sebagai Duta. Orang yang berkenaan berkeadaan mabuk dalam satu reception dan telah menghina seorang pegawai Kedutaan sebuah negeri asing di hadapan isterinya. Peristiwa ini sangat memalukan, bukan sahaja

Tuan Pengerusi Yang Berhormat, masa sudah sampai. Ahli Yang Berhormat dari Dungun.

6.03 ptg.

Tuan Awang bin Jabar (Dungun): Tuan Pengerusi, dalam membahaskan peruntukan Kementerian Luar Negeri bagi tahun 1979 ini di mana Kementerian ini ada meminta sejumlah wang \$62,728,000, ini adalah merupakan satu pertambahan sebanyak 7.2% daripada tahun yang lalu. Dan peruntukan ini menampakkkan semacam tambahan tenaga kepada Kementerian untuk melaksanakan tujuannya iaitu "untuk merumus, merancang dan melaksanakan dasar luar yang menggalakkan perhubungan persahabatan dengan semua negara yang menunjukkan keinginan mereka untuk berbaik-baik dengan negara ini, terutama negara-negara serantau di Asia Tenggara, supaya suasana aman dan tenteram dapat diwujudkan".

Tuan Pengerusi, meneruskan ucapan saya ini, ingin saya menyentuh Butiran 1100, Aktiviti (3), Penerangan Luar Negeri. Negara kita telah mencapai kemerdekaan selama 21 tahun, sudah banyak kemajuan dan kejayaan yang telah kita capai dalam tempoh 21 tahun itu. 21 tahun dipandang dari sudut kegiatan dalam negeri adalah dirasakan lama dan paling panjang kerana di dalam masa itu Malaysia telah merancang dan telah melaksanakan tiga Rancangan Malaysia, mewujudkan Dasar Ekonomi Baru dan berbagai-bagai lagi. Tetapi 21 tahun ditinjau dari sudut hubungan antarabangsa ianya adalah dirasakan sangat pendek dan cepat sekali. Hal ini terbukti kerana terdapat cerita-cerita hingga kini negara kita ada lagi orang-orang lain tidak mengenalinya. Dengan lain-lain perkataan, Malaysia hanyalah dikenali oleh golongan-golongan diplomat negara-negara asing sahaja, tidak menyeluruh kepada rakyat bawahan di negara-negara tersebut.

Tuan Pengerusi, oleh kerana Malaysia sebagai sebuah negara yang sedang membangun, maka usaha memperkenalkan negara ini ke negara-negar luar adalah merupakan sesuatu yang wajib. Walaupun kita tidak punya kekayaan teknik yang begitu banyak, tetapi banyak perkara-perkara yang boleh kita jadikan material untuk diperkenalkan kepada negara-negara lain. Kita mempunyai sejarah yang gemilang di negara-negara sebelah sini di abad-abad yang lampau, iklim negara kita sangat baik. Kita ada banyak tempat-tempat pelancungan yang menarik, kita mempunyai banyak hasil kekayaan, kita

mempunyai kesenian yang baik termasuk seni pahat dan seni ukir. Lebih jauh dari itu, kita mempunyai penduduk yang berbagai kaum, berbilang agama, bermacam adat dan tradisi pun kita dapat hidup dalam aman dan harmoni. Inilah perkara-perkara yang pasti diperkenalkan kepada dunia luar kerana inilah faktor-faktor yang boleh membuka selera dan menarik minat dan keinginan negara lain untuk berbaik-baik dengan negara kita.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan syabas kepada Bahagian Penerangan Luar Negeri di Wisma Putra yang telah bertungkus lumus berusaha ke arah memperkenalkan Malaysia di luar negeri dengan menyediakan bahan-bahan penerangan dalam berbagai bahasa kepada Perwakilan Malaysia di luar negeri, juga kepada pelajar-pelajar di luar negeri itu. Tetapi oleh kerana beban tugas Bahagian Penerangan Luar Negeri ini agak berat, agak besar scopenya, saya merasakan peruntukan sejumlah \$3,795,000 itu tidak mencukupi dan seharusnya diberi tambahan. Dan untuk melicinkan rancangan-rancangan program-program Bahagian ini yang sudah diatur, saya mengesyorkan beberapa perkara.

Yang pertama, di semua Kedutaan-kedutaan besar Malaysia di luar negeri seperti di Republik Arab Mesir, Australia, Belgium, Republik Jerman Bersatu, Perancis, Iran, Iraq, Italy, Kuwait, Morocco, Belanda, Arab Saudi, Turki, Holland, Amerika Syarikat dan lain-lain hendaklah diwujudkan satu Cultural Unit guna untuk mempersembahkan kebudayaan-kebudayaan sekurang-kurangnya pada perayaan menyambut Hari Kebangsaan Malaysia. Yunit Kebudayaan inilah yang akan memperkenalkan bentuk budaya negara ini di luar negeri disepanjang masa.

Yang kedua, Bahagian Penerangan Luar Negeri juga hendaklah mengadakan hubungan rapat dengan universiti-universiti tempatan atau institusi-institusi pengajian tinggi di luar negeri untuk menunjukkan filem-filem perihal Malaysia kepada mereka. Dengan jalan ini saya merasakan selain daripada mereka mendapat pengetahuan untuk pengajian mereka, mereka juga dapat mengenali Malaysia secara dekat lagi.

Yang ketiga, ialah Bahagian Penerangan Luar Negeri ini juga hendaklah mengadakan beberapa kali dalam setahun pertunjukan-pertunjukan seperti "Malaysia Week" di bandar-bandar besar di luar negeri.

Pertunjukan seperti ini ternyata berhasil dan berjaya seperti yang pernah diadakan di Alexandria dalam musim panas 1972.

Yang keempat, Bahagian Penerangan Luar Negeri ini juga hendaklah bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk mengambil bahagian dalam mana-mana Expo Perdagangan Antarabangsa di dunia ini di mana di dalam expo seperti ini dipertunjukkan barangan-barangan dari Malaysia kepada rakyat ataupun penduduk-penduduk luar negeri.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong usul untuk meluluskan peruntukan Kementerian Luar Negeri ini.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda.

6.11 ptg.

Tuan Hashim bin Endut (Ulu Muda): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi, khususnya kerana memberi peluang kepada saya.

Tuan Pengerusi: Tak payah ucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Jangan buang masa, teruskan sahaja (*Ketawa*).

Tuan Hashim bin Endut: Tuan Pengerusi, saya bangun pada petang ini mengambil peranan sama membahaskan peruntukan yang dibentangkan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri tadi yang berjumlah \$62,278,000.

Pada pandangan saya peruntukan ini adalah terlalu kecil dan sangat sedikit dan kalaulah saya diberi peluang untuk mencadangkan supaya peruntukan ini perlu ditambah lagi kerana Kementerian Luar Negeri seperti mana kita ketahui tujuannya merumus, merancangan dan melaksanakan dasar luar yang menggalakkan perhubungan persahabatan dengan semua negara yang menunjukkan keinginan mereka untuk berbaik-baik dengan negeri ini terutamanya negara-negara serantau Asia Tenggara supaya suasana aman dan tenteram dapat diwujudkan.

Dengan demikian segala usaha-usaha pembangunan sosio-ekonomi baik di dalam mahupun di luar negeri dapat memberi kebahagian dan kesejahteraan hidup rakyat dapat melaksana dengan cekap dan berkesan.

Tuan Pengerusi, bercakap berkenaan dengan Kementerian ini kita tidak boleh lari daripada apa yang sedang berlaku di dalam negara kita pada hari ini iaitu satu bencana datangnya pendatang-pendatang haram ke negara kita.

Yang sedih, Tuan Pengerusi, pendatang-pendatang haram ini datang dengan bilangan yang kecil sebelum kita beri sambutan permaidani merah kepada dua pemimpin negara besar di dalam Asia ini.

Yang pertama kita beri sambutan meriah kepada Perdana Menteri Vietnam sendiri dan yang kedua kita beri sambutan permaidani merah kepada Naib Perdana Menteri China. Sebelum dari itu pendatang-pendatang haram ini tidak datang dengan begitu banyak. Tetapi setelah kita berikan sambutan yang begitu meriah, yang begitu indah dan permai kepada mereka, mereka balik setelah dijanji-janjikan oleh kita bahawa kita baik-baik dan bersahabat di antara negara mereka dengan negara kita maka jadilah bencana pendatang-pendatang haram datang dengan begitu banyak.

Tuan Pengerusi, ini adalah satu perkara yang sangat anih dan sangat ganjil. Kalau saya diberi keizinan eloklah saya mencadangkan supaya lawatan balas mestilah dibuat dengan segera kedua-dua negara ini kerana ini adalah perlu dan penting. Masalah pendatang haram kalau kita tidak ambil tindakan dengan tegas maka saya khawatir negara kita akan dipenuhi oleh pendatang-pendatang haram terutama sekali dan malangnya negeri-negeri di Pantai Timur yang sedang menerima bencana ini.

Tuan Pengerusi, ingin saya merujuk kepada apa yang dikatakan oleh sahabat saya dari Baling. Wakil dari Baling tadi menuduh bahawa Kerajaan kita mengadakan satu sikap hipokrasi terhadap negara-negara Asia Barat. Ini adalah satu tuduhan yang berat bagi pihak Kerajaan menerimanya. Wakil tersebut ada menyebut bahawa dalam soal-jawab dahulu Menteri Kesihatan telah memberi jawapan yang memuaskan kepada Dewan yang mulia ini pemberian bantuan perubatan kepada negara Asia Barat khususnya di Mesir—begitu banyak tetapi tidak dihargai oleh wakil tersebut tadi. Beliau pula menyatakan bahawa semasa beliau menjalankan tugas di Kedutaan Mesir, semasa itu beliau menjadi seorang kerani tetapi

beliau tidak sangka bahawa beliau pada hari ini telah berubah menjadi wakil rakyat. Maka demikianlah juga Kementerian inipun telah berubah, daripada dahulu yang tidak begitu bagus sekarang telah begitu bagus. Sebab itulah saya katakan peruntukan ini kena dibanyakkan lagi supaya Kementerian ini boleh menjalankan tugas dengan lebih baik lagi pada masa hadapan.

Lagi satu tuduhan wakil daripada negeri saya juga iaitu wakil daripada Baling menuduh Kerajaan menghantar duta-duta ke sana seorang politik tidak laku dan sebagainya. Ini satu lagi tuduhan yang tidak boleh diterima oleh Kerajaan, kerana mengapa sekarang sahaja mereka membangkitkan masalah kita menghantar duta kita itu ke negara Asia Barat. Pada suatu masa dahulu kita hantar orang mereka duduk di sana, tidak buat apa, mengapa mereka tidak kata apa? Bila orang kita dihantar ke sana dikatakan tidak betul dan sebagainya. Pada pandangan saya, inilah sikap parti-parti Pembangkang yang tidak bertanggungjawab (*Tepuk*).

Tuan Pengerusi, ingin saya merujuk kepada P. 30, muka surat 247, Butiran 1 berkenaan dengan Pejabat dan Bangunan di Seberang Laut.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan perkara ini saya sokong wakil dari Batang Lupar, Sarawak tadi yang menyatakan sungguh sedih

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Behormat dari Batang Lupar.

Tuan Hashim bin Endut: Batang Lupar, terima kasih. Kalau kita tengok bangunan kedutaan kita di luar negeri kebanyakan kita sewa kedai-kedai sepertimana di Holland. Saya tengok sendiri keadaan Kedutaan kita di sana sungguh sedih. Saya tidak sangka bangunan itu dijadikan rumah kedutaan kita yang mewakili negara kita yang makmur dan kaya. Kalau kita pergi ke Jalan Ampang, kita pergi ke Jalan Pekeliling, di Kuala Lumpur kita lihat sendiri bagaimana indah dan bagaimana cantiknya rumah-rumah kedutaan luar negeri. Oleh yang demikian peruntukan yang diberi sebanyak \$3.55 juta itu adalah sangat kecil, kalau boleh kita buatlah rumah-rumah pejabat kedutaan kita di luar negeri ini dengan begitu indah dan cantik supaya pegawai-pegawai boleh bekerja

dengan selesa dan sempurna. Tidak hairanlah, beberapa orang dalam Majlis ini kalau pergi ke luar negeri termasuk Ketua Pemuda kita apabila balik dari lawatannya, dikecamnya kedutaan kita; sambutan tidak begitu baik, orang tidak tahu dan sebagainya. Bagaimanakah kita hendak salahkan mereka, tempat kerja mereka pun tidak sempurna dan tidak teratur. Oleh yang demikian, saya tidaklah hendak berdebat panjang di dalam Majlis yang mulia ini, hanya saya merayu supaya peruntukan ini ditambahkan lagi di masa hadapan dan dengan ini ingin saya menyokong 100% di atas peruntukan ini dan tahun depan janganlah Menteri ini lupa kalau boleh tambahlah dua kali ganda daripada apa yang ada.

6.10 ptg.

Tuan Alias bin Md. Ali (Ulu Trengganu):

Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap atas B. 30, Butiran 1100, Aktiviti (1) hingga (5).

Saya hendak mengucapkan perasaan simpati saya kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Luar Negeri oleh kerana beliau jarang-jarang dapat berpeluang berada bersama keluarganya, selalu terbang ke sana-ke mari dan oleh yang demikian saya merayu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita berilah seorang Timbalan pada dia supaya dapatlah sedikit Timbalan ini meringankan beban yang dipikul oleh Yang Berhormat Menteri kita.

Tuan Pengerusi: Barangkali Ahli Yang Berhormat itu suka tak? (*Ketawa*) Bukan, barangkali Yang Berhormat Menteri suka keluar negeri.

Tuan Alias bin Md. Ali: Barangkali orang yang paling layak menjadi Timbalan itu ialah orang yang duduk dekat dia sendiri sekarang iaitu Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap atas perkara kerjasama serantau iaitu ASEAN. Pada masa ini kerjasama telah dijalin di antara syarikat-syarikat berita nasional negara-negara ASEAN iaitu Antara, Philippine News Agency (P.N.A.), Thai News Agency yang masih dalam proses pembentukan dan dengan BERNAMA iaitu Pertubuhan Berita Nasional kita.

Penukaran-penukaran berita yang terbatas telah dilakukan sejak beberapa lama yang lalu. Bagaimanapun perkara penukaran ini tidak dapat dijalankan dengan lebih berkesan oleh kerana adanya kadar cable rate yang tinggi antara negara-negara ASEAN yang berkenaan kecuali Singapura.

Satu Kertas Kerja telah dibentangkan dalam satu sidang Kantor-kantor Berita ASEAN di Jakarta dalam bulan Januari, 1977 yang antara lain mencadangkan supaya negara-negara ASEAN menurunkan kadar cable rate ini kepada kadar Komanwel. Tujuannya ialah supaya mereka dapat meningkatkan kerjasama dalam soal penukaran berita. Seperti yang kita maklum pada masa ini adalah lebih mahal untuk mengirim cable ke Jakarta atau Manila daripada mengirim cable ke Kanada yang letaknya berpuluh-puluh ribu batu jauh dari negeri kita ini oleh kerana Kanada menjadi anggota Komanwel tetapi Filipina dan Indonesia tidak menjadi anggota Komanwel, begitu juga Thailand. Cadangan ini telah dibincangkan sekali lagi dalam satu Seminar Sebaran Am yang berlangsung di Bali dalam bulan Jun tahun lalu yang telah menyetujui cadangan itu. Awal tahun ini Jawatankuasa Tetap ASEAN kalau tidak silap saya telah bertemu di Singapura dan telah juga membincangkan perkara ini dan telah bersetuju untuk mengemukakan cadangan itu kepada Persidangan Menteri-menteri Luar ASEAN. Saya berharap perkara ini tidak akan habis di situ sahaja dan saya juga berharap Sidang Menteri-menteri Luar ASEAN yang akan datang patutlah mengambil tindakan yang positif di atas cadangan ini sekiranya kita ingin melihat pengaliran berita yang lebih meluas di antara negara-negara ahli ASEAN.

Tuan Pengerusi, bercakap tentang kerjasama antara Kantor-kantor Berita dalam Negara-negara ASEAN ini, saya nampak ada keperluan untuk kita negara-negara ASEAN bermuafakat untuk menubuhkan suatu Kumpulan Berita-berita ASEAN (ASEAN News Pool) selaras dengan perkembangan-perkembangan yang berlaku di daerah-daerah lain yang menubuhkan News Pool masing-masing. Saya mencadangkan supaya Kuala Lumpur dijadikan pusat bagi News Pool ASEAN dan Pertubuhan Berita Nasional (BERNAMA) kita dilengkapkan untuk memikul tanggungjawab menjadi ibu pejabat kepada ASEAN News Pool ini. Saya

fikir Kuala Lumpur sudah memang layak untuk menjadi tuan rumah oleh kerana kedudukan geografinya.

Mengenai Semangat kerjasama ASEAN ini juga, Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian Dewan ini tentang sikap negatif Kerajaan Singapura yang sampai sekarang masih belum mengizinkan BERNAMA menjalankan operasinya di Singapura. Beberapa approach telah dibuat sewaktu saya bertugas dengan BERNAMA dahulu supaya Pertubuhan ini dapat menubuhkan pejabatnya di Singapura. Kerajaan Singapura dalam jawapan rasminya pada 27hb Februari yang lalu menyatakan bahawa BERNAMA tidaklah perlu menubuhkan pejabatnya di Singapura. Sikap negatif Kerajaan Singapura ini menghalang penubuhan Berita Nasional kita bergiat dalam semua negara ASEAN. Pada masa ini hanya Singapura sahajalah yang belum ada wakil BERNAMA. Saya mendapat tahu tahun hadapan BERNAMA akan mengirinkan wakilnya ke Manila (Filipina) jadi lengkaplah coverage itu meliputi seluruh negara ASEAN, Singapura tentulah barangkali mempunyai alasannya sendiri untuk tidak mengizinkan BERNAMA mempunyai pejabatnya di sana, akan tetapi malangnya pendirian atau peraturan yang sama tidak pula dikenakan ke atas lain-lain agensi berita-berita nasional, News Agencies daripada negeri lain, bahkan agensi-agensi berita international seperti Reuters, UPI dan AIP boleh bergerak dengan bebas di Singapura. Oleh yang demikian, saya berharaplah pihak Kementerian yang berkenaan, Kementerian Luar Negeri menggunakan segala kebijaksanaan dan diplomasi untuk meyakinkan Kerajaan Singapura bahawa adalah untuk kepentingan rakyat dalam negara ASEAN sendiri bagi BERNAMA mengadakan operasinya di sana. Seperti yang saya katakan tadi dari pengalaman saya dengan BERNAMA selama 8 tahun, saya tahulah bahawa bukanlah menjadi maksud, dasar ataupun amalan Pertubuhan itu untuk membuat laporan-laporan yang slanting. Adalah menjadi amalan Pertubuhan itu selama-lamanya untuk membuat laporan-

laporan yang objektif dan tepat seperti yang ditentukan, diperuntukkan dalam Akta Bernama yang telahpun diluluskan oleh Dewan ini. Oleh itu tidaklah patut ada ke-sangsian bagi pihak Kerajaan Singapura kalau-kalau BERNAMA ini kelakny akan menjadi hostile ataupun tidak membuat laporan-laporan yang tepat ataupun membuat laporan-laporan yang akan menyentuh kepentingan Kerajaan Singapura. Jadi saya berharaplah dengan semangat ASEAN Kerajaan Singapura akan mengkaji semula ketupusannya itu.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Menglembu boleh sambung pada hari Isnin, selepas itu Ahli Yang Berhormat dari Panti, kemudian Yang Berhormat Menteri akan menjawab.

6.27 ptg.

Tuan P. Patto: Tuan Pengerusi, boleh saya sambung pada hari Isnin?

Tuan Pengerusi Boleh bercakap sekarang dan sambung hari Isnin; selepas itu Ahli Yang Berhormat daripada Panti, kemudian Yang Berhormat Menteri akan menjawab pada hari Isnin.

Tuan P. Patto: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Saya ingin menyentuh Maksud B. 30 Butiran 1100, Aktiviti (2)—Politik. Tuan Pengerusi, Kementerian ini adalah ditanggungjawabkan untuk merumus, merancang dan melaksanakan dasar luar yang menggalakkan perhubungan persahabatan dengan semua negara yang menunjukkan keinginan mereka untuk berbaik-baik dengan negara ini. Dari era Perdana Menteri pertama kita yang mempunyai dasar luar negeri yang terikat kepada apron-strings Amerika Syarikat sehingga kita menyertai Liga Anti-Komunis diketuai dan dibela oleh Amerika Syarikat. Tetapi era Perdana Menteri kedua mempunyai dasar luar yang sedikit progresif

yang telahpun menghasilkan penubuhan perhubungan diplomatik di antara Malaysia dan beberapa buah negara sosialis dan komunis terutama dengan Republik Rakyat China.

Tuan Pengerusi: Cukup, boleh sambung pada hari Isnin.

Tuan P. Patto: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sebagaimana saya kata tadi selepas ucapan Yang Berhormat dari Menglembu, pada hari Isnin, Ahli Yang Berhormat dari Panting akan berucap; selepas

itu Yang Berhormat Menteri akan menjawab. Dan setelah itu saya akan minta Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Kementeriannya.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari Isnin, 4hb Disember, 1978.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.